



Pemecatan Muhyiddin dari jawatan TPM

Krisis negara makin parah

Tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memecat Tan Sri Muhyiddin Yassin dari jawatan Timbalan Perdana Menteri mendapat reaksi negatif pelbagai pihak. Ramai percaya tindakan itu dilakukan selepas Muhyiddin beberapa kali mengeluarkan kritikan terbuka berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Arahan Ketua Setiausaha Negara berhubung penamatan khidmat Tan Sri Abdul Ghani Patail sebagai Peguam Negara juga disifatkan mempunyai kaitan dengan isu itu.



Berita lanjut di muka surat 2&3

Najib selamatkan diri, pertahan rejim

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Pemecatan Tan Sri Muhyiddin Yassin dari kerusi Timbalan Perdana Menteri hanya menjadikan krisis negara semakin parah.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata tindakan itu dilakukan hanya beberapa hari selepas Muhyiddin memberi kenyataan Perdana Menteri perlu menjawab isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Katanya, tindakan yang dilakukan Datuk Seri Najib Razak itu ternyata bertujuan mempertahankan kedudukan dan rejimnya.

"Pemecatan Abdul Ghani Patail selaku Peguam Negara yang juga salah seorang

anggota panel menyiasat skandal 1MDB memberi gambaran PM mempertahankan pihaknya disiasat panel bebas atas pelbagai salah guna kuasa dan rasuah melibatkan bilion ringgit.

"Negara memerlukan reformasi menyeluruh untuk memulihkan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa demi menyelamatkan ekonomi negara serta menjamin kesejahteraan," katanya dalam satu kenyataan.

Terdahulu, Perdana Menteri mengumumkan rombakan kabinet menyaksikan Datuk Seri Zahid Hamidi naik menggantikan Muhyiddin.

Sementara itu, Bernama melaporkan perkhidmatan Abdul Ghani sebagai



Negara memerlukan reformasi menyeluruh untuk memulihkan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa demi menyelamatkan ekonomi negara serta menjamin kesejahteraan

MOHAMED AZMIN ALI
Dato' Menteri Besar

Peguam Negara ditamatkan dan diganti dengan Tan Sri Mohamed Apandi Ali, pada 28 Julai lalu.

Mengulas lanjut krisis berkenaan, Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden PKR menggesa Ahli Parlimen tanpa mengira parti bersatu menyelamatkan Malaysia.

"Dalam pertemuan saya bersama Datuk Seri Anwar selama lebih dua jam, pada 24 Julai lalu, beliau menyampaikan pesan supaya rakyat Malaysia dan NGO bersatu membawa perubahan.

"PKR memulakan siri jelajah Amanat Presiden sejak seminggu lalu bagi menggembeleng kekuatan rakyat dan politik dalam negara untuk melaksanakan perubahan," katanya.

Digugur dari kabinet

Muhyiddin reda

SHAH ALAM - Tan Sri Muhyiddin Yassin reda dengan keputusan pemecatannya dari jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM) hari ini dengan hati terbuka.

Beliau turut menzahirkan rasa terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang memberi peluang kepadanya berkhidmat dengan jawatan itu, sejak 10 April 2009.

Muhyiddin juga akur dan menghormati kuasa prerogatif di tangan Najib

untuk melantik serta menggugurkan mana-mana anggota kabinet.

"Sebagai TPM, saya terlibat secara langsung dalam pembuatan dasar kerajaan dan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh amanah. Selama berkhidmat, saya sentiasa mendokong semua dasar kerajaan dan menyokong kepimpinan Perdana Menteri.

"Kecuali dalam isu 1MDB, saya mempunyai prinsip dan pendirian sendiri da-

lam mempertahankan hak rakyat, nama baik parti dan kepentingan negara.

"Jika kerana pendirian dalam isu ini menyebabkan saya digugurkan daripada kabinet maka saya reda," katanya dalam kenyataan.

Ahli Parlimen Pagoh itu berazam untuk terus setia kepada perjuangan Umno dan menggalas tanggungjawab sebagai timbalan presiden parti dengan penuh amanah.

"Saya akan terus melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dan mencurahkan khidmat bakti demi memperkukuhkan parti serta mengembalikan keyakinan orang Melayu juga rakyat kepada UMNO.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua ke-tua jabatan, pegawai kerajaan, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan dan semua pihak yang menyokong saya sepanjang menjalankan tugas sebagai Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri mengumumkan rombakan kabinet menyaksikan Datuk Seri Zahid Hamidi naik menggantikan Muhyiddin.

#najibletakjawatan dan #bencinajib penuh facebook PM

SHAH ALAM - Sejurus Datuk Seri Najib Razak mengumumkan rombakan kabinet yang menyaksikan Tan Sri Muhyiddin Yassin digugurkan, sekecil mata akaun rasmi facebook Perdana Menteri itu dibanjiri kecaman pengguna laman sosial terhadap tindakan terbabit.

Ramai pengguna media sosial menyatakan ketidakpuasan hati ekoran tindakan menggugurkan Muhyiddin daripada kerusi Timbalan Perdana Menteri.

Antara komen pengguna laman sosial terbabit, Akiem Hakim, meminta Najib meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

"Apa nak jadi? Kamu yang patut pecat diri sendiri. Cerminkan diri dulu sebelum buat tindakan," tulisnya.

Mohd Deen pula menyifatkan tindakan Najib memecat Muhyiddin sebagai lucu ekoran pandangan beliau bahawa rakyat mahukan Najib sendiri yang meletakkan jawatan.

"Lawak-lawak.... Rakyat suruh dia berhenti, dia pula berhentikan orang lain. Hebat, hebat..." katanya.

Tidak kurang, terdapat pengguna laman facebook yang melabelkan Najib sebagai diktaktor ekoran tindakannya memecat menteri yang tidak sehaluan dengannya.

Selain pelbagai komen kecaman, facebook Najib turut dibanjiri dengan #najibletakjawatan dan #bencinajib oleh pengguna laman sosial itu.



Imbas kembali pemecatan Anwar 2 September 1998

Kami juga memberi amaran kepada Datuk Seri Najib Razak untuk tidak mengambil peluang dari pergolakan dalaman Umno ini untuk terus menyalahgunakan kuasa dengan menahan pimpinan-pimpinan pembangkang, pengamal media dan mereka yang mengkritik pentadbiran beliau. Sekiranya beliau meneruskan amalan biasa Umno yang memenjarakan lawan politik pembangkang ketika berlaku pergolakan dalaman Umno, kami pasti ratusan ribu rakyat akan turun ke jalanraya yang akan mempercepatkan kejatuhan beliau.

- AHLI-AHLI PARLIMEN PAKATAN RAKYAT

Saya percaya rakyat Malaysia tidak bodoh untuk menilai tentang baik buruk kepada negara dan kesejahteraan untuk mereka. Jika benar kesejahteraan rakyat dan masa depan negara menjadi pertimbangan PM dan kerajaan, maka buktikan dengan keberanian mengaku salah, mencegah yang mungkar, berdepan dengan masalah dan mencari jalan penyelesaian keluar. Jika tidak, silalah ke tepi dan beri laluan kepada kepimpinan baru, kepada kerajaan peralihan demi masa depan negara.

- Ketua Penerangan PKR, SYED IBRAHIM SYED NOH

Jangan terkejut harga minyak akan jatuh mendadak pada 1 Ogos ini untuk menyedapkan hati rakyat seketika buat barisan kabinet terbaru Najib ini. Namun, jangan sesekali terpedaya dengan wayang mengalihkan perhatian daripada isu 1MDB. Sesungguhnya kabinet terbaru ini ialah kabinet pro-1MDB. Apapun, PAS akan meneruskan perjuangan melawan Umno dan kezalimannya terhadap rakyat.

- Timbalan Presiden PAS, TUAN IBRAHIM TUAN MAN

Rombakan kabinet, penamatan kontrak Peguam Negara, penggantungan akhbar media The Edge, sekatan ke atas Sarawak Report, semua langkah ini bagai hendak menutup skandal 1MDB.

- Adun Seri Setia, NIK NAZMI NIK AHMAD



PM gugur lima menteri, satu timbalan

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengumumkan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dilantik menjadi timbalannya, menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Selain Muhyiddin, lima menteri dan seorang timbalan menteri digugurkan dari Kabinet, kata Najib dalam pengumuman di pejabatnya di Putrajaya, pada 28 Julai lalu.

MENTERI DIGUGURKAN:

Tan Sri Muhyiddin Yassin - Pendidikan
Datuk Seri G Palanivel - Sumber Asli dan Alam Sekitar

Datuk Seri Shafie Apdal - Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Datuk Ewon Ebin - Sains, Teknologi dan Inovasi

Datuk Seri Hasan Malek - Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

TIMBALAN MENTERI DIGUGURKAN:

Datuk Abd Rahim Bakri - Pertahanan

Fuzi Harun dilantik Pengarah Cawangan Khas baharu

SHAH ALAM - Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun (*gambar*) dilantik Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai Pengarah Cawangan Khas yang baharu menggantikan Datuk Seri Akhil Bulat yang bersara pada usia 62 tahun.

Fuzi sebelum ini adalah Pengarah Jabatan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Akhil sebelum ini diperbaharui kontraknya setiap tahun selepas melebihi umur persaraan.

Kontraknya berakhir pada 17 Ogos ini dan beliau sedang cuti persaraan selama tiga minggu.

Akhil berkhidmat dalam pasukan



polis selama 38 tahun.

Beliau memulakan kerjaya sebagai inspektor polis Cawangan Khas pada 1978 dan menghabiskan sepanjang kerjayanya di bahagian itu.

Najib perlu belajar ketelusan dari Cameron

SHAH ALAM - Kehadiran Perdana Menteri Britain, David Cameron ke Malaysia dicemari dakwaan tidak henti-henti terhadap pemimpin pembangkang terutama Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Anwar adalah tahanan politik yang membawa perubahan apabila hampir mencapai kemenangan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 lalu.

Katanya, namun akibat penipuan dilakukan kerajaan pimpinan Datuk Seri Mohd Najib Razak menyebabkan usaha Anwar menjadi Perdana Menteri tidak kesampaian.

"Secara kebetulan, skandal berkenaan pemindahan dana ke akaun peribadi Najib bertepatan dengan mengadakan pilihan raya

umum lalu," kata Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden PKR dalam kenyataan media.

Mohamed Azmin berkata, umum kini tahu Najib diselubungi dakwaan skandal dana lebih RM2 bilion berkaitan Malaysian Investment Development Berhad (1MDB) yang disalurkan ke akaun peribadinya seperti didedahkan akhbar The Wall Street Journal (WSJ).

"Dakwan itu sehingga kini tidak dinafikan Perdana Menteri melainkan penafian sambil lewa," katanya.

Katanya, lawatan Cameron diharapkan memberikan mesej kepada Najib berkenaan kerajaan Britain yang menyokong kebebasan, demokrasi, kedaulatan undang-undang dan kerajaan telus.

SENARAI ROMBAKAN BARU KABINET

MENTERI

Datuk Seri Najib Abdul Razak - Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi - Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri

Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah - Menteri Kewangan II

Datuk Seri Liow Tiong Lai - Menteri Pengangkutan

Datuk Seri Nazri Abdul Aziz - Menteri Pelancongan dan Kebudayaan

Datuk Seri Hishammuddin Hussein - Menteri Pertahanan

Datuk Mustapa Mohamed - Menteri Industri dan Perdagangan Antarabangsa

Datuk Seri Ong Ka Chuan - Menteri Industri dan Perdagangan Antarabangsa II

Datuk Seri Maximus Johnity Ongkili - Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Datuk Amar Douglas Uggah Embas - Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob - Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Datuk Seri Dr S Subramaniam - Menteri Kesihatan

Datuk Seri Anifah Aman - Menteri Luar

Datuk Wilfred Madius Tangau - Menteri sains, Teknologi dan Inovasi

Datuk Seri Rohani Abdul Karim - Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Datuk Fadillah Yusof - Menteri Kerja Raya

Datuk Seri Richard Riot Anak Jaem - Menteri Sumber Manusia

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor - Menteri Wilayah Persekutuan

Datuk Seri Idris Jusoh - Menteri Pengajian Tinggi

Khairy Jamaluddin Abu Bakar - Menteri Belia dan Sukan

Datuk Abdul Rahman Dahlan - Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Datuk Hamzah Zainudin - Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar - Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Datuk Seri Mahdzir Khalid - Menteri Pendidikan

Datuk Mohd Salleh Said Keruak - Menteri Komunikasi dan Multimedia

Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B) - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Mah Siew Keong - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Azalina Othman Said - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Nancy Shukri - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Abdul Wahid Omar - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Wee Ka Siong - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Seri Shahidan Kassim - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Paul Low Seng Kuan - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Joseph Entulu Anak Belaun - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Seri Idris Jala - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Tan Sri Panglima Joseph Kurup - Menteri di Jabatan Perdana Menteri

TIMBALAN MENTERI

Datuk Razali Ibrahim - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Datuk Chua Tee Yong - Timbalan Menteri Kewangan

Datuk Johari Abdul Ghani - Timbalan Menteri Kewangan

Datuk Nur Jazlan Mohamed - Timbalan Menteri Dalam Negeri

Datuk Masir Anak Kujat - Timbalan Menteri Dalam Negeri

Datuk Ermieyati Samsudin - Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan

Datuk Johari Baharum - Timbalan Menteri Pertahanan

Datuk Ahmad Maslan - Timbalan Menteri Industri dan Perdagangan Antarabangsa

Datuk Lee Chee Leong - Timbalan Menteri Industri dan Perdagangan Antarabangsa

Datuk James Dawos Mamit - Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Datuk Noriah Kasnon - Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Datuk Tajuddin Abdul Rahman - Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Datuk Alexander Nanta Linggi - Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Datuk Ahmad Jazlan Yaakub - Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Datuk Reezal Merican Naina Merican - Timbalan Menteri Luar

Datuk Azizah Datuk Seri Panglima Mohd Dun - Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Datuk Chew Mei Fun - Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Datuk Abu Bakar Mohamad Diah - Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin - Timbalan Menteri Kerja Raya

Datuk Ismail Abd Muttalib - Timbalan Menteri Sumber Manusia

Datuk Loga Bala Mohan Jaganathan - Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

Datuk Mary Yap Kain Ching - Timbalan Menteri Pengajian Tinggi

Datuk M Saravanan - Timbalan Menteri Belia dan Sukan

Datuk Halimah Mohd Sadique - Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Datuk Paduka Ahmad Bashah Md Hanipah - Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Datuk Hamim Samuri - Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

P Kamalanathan - Timbalan Menteri Pendidikan

Chong Sin Woon - Timbalan Menteri Pendidikan

Datuk Jailani Johari - Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia

Datuk Ab. Aziz Kaprawi - Timbalan Menteri Pengangkutan

Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya - Timbalan Menteri Kesihatan

Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MB: Pertemuan tentukan jumlah aset air dipajak

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan mengadakan pertemuan dengan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) bagi menentukan jumlah aset yang dipajakkan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata proses itu selaras dengan perjanjian utama yang dipersetujui antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Katanya, ia perlu diselesaikan dalam tempoh 60 hari selepas perjanjian penstrukturan semula industri air negeri itu dimuktamadkan, pada 10 Julai lalu.

"Kita akan kemukakan satu senarai antara PAAB dengan Air Selangor. Kita akan selesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

"Semua berjalan dengan baik dan lancar," katanya kepada pemberita dalam Majlis Rumah Terbuka Selangor, di sini, pada 19 Julai lalu.



RM1.69 bilion disalur ke Air Selangor

SHAH ALAM - Sejumlah RM 1.69 billion nilai pajakan dari Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) dijangka akan disalurkan ke Air Selangor.

Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata perbincangan juga akan dimulakan minggu ini atau minggu hadapan.

Katanya, nilai aset keseluruhan juga dijangka tidak berubah iaitu RM9.65 billion.

"Apa yang penting ialah wang pajakan dari PAAB dapat digunakan untuk industri air Selangor apabila perbincangan selesai.

"Dengan wang itu, kita akan gunakan bagi membeli ekuiti ketiga-tiga syarikat konsesi iaitu Syarikah Bekalan Air Selangor (SYABAS), Konsortium Abbas Sdn Bhd (ABBAS) dan Puncak Niaga Sdn Bhd," katanya kepada Selangor Kini, pada 21 Julai lalu.

Terdahulu, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengumumkan pertemuan dengan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) bagi menentukan jumlah aset yang dipajakkan kepa-



Apa yang penting ialah wang pajakan dari PAAB dapat digunakan untuk industri air Selangor apabila perbincangan selesai

Zaidy Abdul Talib
Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam,

da negeri itu.

Katanya, ia perlu diselesaikan dalam tempoh 60 hari selepas perjanjian penstrukturan semula industri air negeri itu dimuktamadkan, pada 10 Julai lalu.

HORAS 600

Tingkat bekalan air 300 juta JLH

SHAH ALAM - Hybrid off River Augmentation System (HORAS) 600 mampu menampung keperluan air mentah tambahan 300 juta liter sehari (JLH) untuk projek mitigasi 2 apabila kolam fasa satu itu siap sepenuhnya, September ini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Zaidy Abdul Talib, berkata tiga loji rawatan terlibat mampu membekalkan 436 JLH kepada Petaling, Shah Alam dan Klang.

"Bekalan air mentah tambahan itu menampung keperluan loji rawatan SSP1, SSP3 dan Rasa sebelum semua loji terlibat menghasilkan 436 JLH air terawat kepada tiga bandar utama itu.

"Projek Mitigrasi 2 tidak akan berjaya jika bekalan air mentah tak mencukupi. Sebab itu, kita mahu memastikan projek ini disiapkan September," katanya kepada Selangor Kini.

HORAS 600 adalah kaedah penakungan stormwater dan air bawah tanah dialir terus ke Lembangan Sungai Selan-


gor melalui gabungan Off River Storage (ORS) dan Horizontal Collector Well yang terletak di Kampung Sungai Darah, Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Projek HORAS 600 bernilai RM700 juta secara keseluruhannya dan RM200 juta dipeperuntukkan bagi menampung kerja sampingan, pembelian tanah dan pam daripada jumlah itu.

Bakinya, RM500 juta pula bagi menampung kos gali kolam yang ditanggung Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dengan imbal balik penjualan pasir.

KSSB dilantik Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) sebagai kontraktor bertanggungjawab mengorek kolam takungan seluas 166 hektar dengan kedalaman 23.5 meter dari paras bumi.

"HORAS berperanan besar dalam mengurangkan kebergantungan melampau kepada satu sumber air mentah, sekali gus memberi jaminan bekalan air berterusan kepada lebih tujuh juta pengguna air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya.



HORAS

Perjanjian Tambahan Perstruktur Semula Air Selangor

Cari langkah kawal bekalan

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Perjanjian Tambahan Penstruktur Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Selangor dilihat sebagai satu pencapaian yang baik dalam memenuhi keperluan rakyat.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kebanyakan rakyat bimbang wujudkan krisis air di Selangor yang berterusan tanpa keputusan muktamad jika persetujuan itu tidak dapat dicapai.

"Apa yang diharapkan rakyat melalui perjanjian tambahan itu adalah kerajaan dapat memberi perhatian lebih berkenaan bagaimana meningkatkan kapasiti air terutama air rawatan.

"Apabila tiba musim kemarau, kita menghadapi masalah kekurangan bekalan air di empangan yang agak kritikal.

"Kerana bekalan air di Selangor juga menyumbang kepada bekalan air di Kuala Lumpur dan Putrajaya, jadi jika krisis ini berterusan mungkin beri kesan seperti catuan," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Mohd Yusof berkata, ia juga memberi kesan kepada masalah ekonomi dan kerja pembangunan yang akan tergendala akibat bekalan tidak mencukupi.

"Yang penting adalah pertingkatkan loji rawatan sedia ada supaya ia mempunyai kapasiti mencukupi bagi memastikan masalah catuan air tidak akan berulang seperti tahun lalu.

"Rakyat juga mengharapkan



kedua belah pihak dapat mencari langkah bagaimana memastikan bekalan air di Selangor akan terus terkawal melalui persetujuan itu," katanya.

Selain itu, Mohd Yusof berkata, kerjasama yang bakal terjalin itu perlu terus wujud walaupun mempunyai perbezaan pendapat politik.

"Melalui kerjasama Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pelbagai isu dapat diselesaikan tidak kira air, pembangunan dan yang lain demi kepentingan rakyat," katanya

Rakyat tarik nafas lega

SHAH ALAM - Rakyat memandang positif kejayaan penstruktur semula industri air di Selangor hasil perbincangan bersama Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Pembantu Operasi, Wan Raffidah Wan Yusof, 37, berkata rakyat sudah boleh tarik nafas lega selepas perjanjian penstruktur air dapat dimuktadkan dan tidak perlu dipolitikkan lagi.

"Sudah bertahun masalah isu air timbul dan kerap keluar di media massa yang asyik menyalahkan pihak sana dan sini.

"Apa yang penting bagi kami isu air dapat diselesaikan dengan segera sebab ia adalah keperluan yang sangat penting kepada rakyat," katanya kepada Selangor Kini.

Pembantu Penyelenggaraan, Madzuki Yahya, 58, berkata usaha Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali patut dipuji kerana beliau turun naik ke Putrajaya demi mendapatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan.

"Sikap beliau yang tegas mempertahankan hak rakyat akhirnya dapat menyelesaikan isu air



Wan Raffidah

walaupun pada awalnya menghadapi pelbagai masalah.

"Kerajaan Persekutuan seharusnya memberikan kerjasama yang baik supaya masalah air dapat diselesaikan lebih awal lagi," katanya.

Sementara itu, Nabila Farhana Mohd Zaki, 26, berkata perbezaan politik harus diketepikan untuk menyelesaikan isu penstruktur air di Selangor.

"Peranan kerajaan adalah mendahulukan kepentingan rakyat.

"Saya berharap di masa akan datang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat terus memberikan kerjasama demi kebaikan rakyat dan negara," katanya.



PKNS

PELAWAAN PRA KELAYAKAN (PRE-Q)

RAKAN PEMBANGUNAN UNTUK PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah ditubuhkan dibawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada 01 Ogos 1964, sebagai sebuah badan berkanun dan agensi utama pembangunan di peringkat Negeri Selangor. Teras utama bisnes PKNS adalah sebagai pemacu utama pembangunan hartanah dan menyumbang kepada kerancangan ekonomi di Negeri Selangor.

PKNS mempelawa pemohon yang berkelayakan untuk mengambil bahagian dalam proses Pelawaan Pra-Kelayakan (Pre-Q) sebagai rakan pembangunan bersama-sama dengan PKNS.

Proses Pre-Q dibuka kepada syarikat pemaju hartanah berdasarkan kriteria-kriteria berikut :

| Kategori 1 | Kategori 2 | Kategori 1 | Bumiputera |
|---|--|--|---|
| Modal Berbayar Syarikat (Paid-up Capital) atau Dana Pemegang Saham (Shareholder's Fund) sekurang-kurangnya RM50 juta dan ke atas | Modal Berbayar Syarikat (Paid-up Capital) atau Dana Pemegang Saham (Shareholder's Fund) sekurang-kurangnya RM30 juta hingga RM50 juta | Modal Berbayar Syarikat (Paid-up Capital) atau Dana Pemegang Saham (Shareholder's Fund) sekurang-kurangnya RM20 juta dan ke bawah | Modal Berbayar Syarikat (Paid-up Capital) atau Dana Pemegang Saham (Shareholder's Fund) sekurang-kurangnya RM1.0 juta dan ke bawah |

PKNS mempunyai hak untuk menerima atau menolak sebarang serahan atau membatalkan Pre-Q pemohon di mana perlu, tanpa membayar balik sebarang perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh pemohon dalam proses Pre-Q. Segala keputusan yang dibuat oleh PKNS adalah muktamad.

Pemohon yang disenarai pendek akan dimaklumkan dan selanjutnya akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam proses Pelawaan Mengemukakan Cadangan (RFP).

Syarat umum dan dokumen yang berkaitan Pre-Q boleh dimuat turun daripada laman web <http://www.pkns.gov.my> bermula **8.30 pagi 31 Julai 2015** sehingga **5.30 petang 20 Ogos 2015**.

Set dokumen Pre-Q yang lengkap dan ditandatangani oleh pemohon hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeteraikan dan didepositkan ke dalam Kotak Tender disediakan sebelum **12.00 tengah hari, 21 Ogos 2015 (Jumaat)**.

Suku pertama 2015

Jumlah pelancong bertambah

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kempen Tahun Melawat Selangor 2015 terus dipergiat bagi memastikan sasaran tujuh juta pelancong ke negeri itu direalisasikan.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata perkembangan sektor itu amat memberangsangkan pada suku pertama tahun ini.

"Setakat ini, kempen masih berjalan, bahkan mesyuarat stanco Jawatankuasa Tetap Pelancongan memaklumkan ada penambahan pelancong dari dalam dan luar negara sejak Januari hingga April lalu.

"Kita jangka, jumlah pelan-

cong akan terus meningkat sehingga hujung tahun ini memandangkan pelbagai usaha dipergiatkan bersama Tourism Selangor," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

Elizabeth berkata, kebanyakan pelancong dari luar akan membanjiri Selangor mulai pertengahan tahun memandangkan waktu itu adalah cuti musim panas.

Katanya, pelancong dari China antara yang paling ramai melawat Selangor dengan kehadiran lebih 5,700 orang, sejak awal Julai lalu.

"Banyak produk baru di Selangor yang diwujudkan untuk menarik lebih ramai pelancong, antaranya Mitsui Premium Outlet di Sepang, Central Plaza



Elizabeth Wong

(Shah Alam) dan Royal Klang Heritage Walk (Klang).

"Jadi, kita yakin sasaran itu boleh dicapai berdasarkan usaha semua pihak," katanya.

Putrajaya perlu serius tangani lambakan pekerja asing

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan patut serius menangani kebanjiran pekerja asing apabila ia menimbulkan ancaman keselamatan dan peluang pekerjaan kepada warga tempatan.

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V Ganabatirau, berkata Selangor berhasrat menyekat kebanjiran warga asing, namun ia terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan Negeri memang memberi segala kerjasama yang diperlukan untuk mengurangkan kebanjiran warga asing, namun kuasa kita terhad," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

Beliau berkata, lambakan pekerja itu turut memberikan persaingan tidak sihat dalam kalangan warga tempatan.

Katanya, ia ditambah dengan keadaan ekonomi yang kian meruncing kesan daripada ketirisan pimpinan Barisan Nasional (BN).

"Kesan daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kenaikan petrol dan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang tiada penyelesaian juga menyebabkan ekonomi negara berada dalam keadaan bahaya.

"Maka, kemasukan pekerja asing untuk kepentingan siapa? Rakyat, negara atau hanya kepada golongan kapitalis yang inginkan keuntungan maksima dalam apa juga keadaan?"

"Walaupun kesan buruk kepada rakyat dan negara, namun pihak yang mendahaga-



V Ganabatirau

kan keuntungan mahu pekerja asing ini terus dibawa masuk," katanya.

Ganabatirau berkata, kebanjiran warga asing turut terbukti membawa banyak masalah sosial kepada negara.

Katanya, sektor perniagaan kini mula dimonopoli warga asing seperti 'Pasar Myanmar' di Pasar Besar Selayang dan 'Pasar Dhaka' di Pasar Sri Muda.

Katanya, bidang lain turut dikuasai warga asing seperti pertanian, pembinaan, penterbangan dan pembuatan.



SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafiz Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umer: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Pelancong Timur Tengah meningkat

KUALA SELANGOR - Kehadiran pelancong dari Timur Tengah menunjukkan peningkatan setiap tahun berikutan kesan promosi berterusan dalam Ekspo Pelancongan di Dubai.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, berkata Kerajaan Negeri menghantar Tourism Selangor menghadiri ekspo itu setiap tahun.

"Kita pergi setiap tahun ke Dubai kerana di sana ada ekspo khas untuk menarik pelancong

Timur Tengah ke Selangor.

"Melalui program itu, kita dapat menghubungi banyak operator dan agensi pelancongan yang membawa pelancong Timur Tengah ke Selangor," katanya kepada Selangor Kini, pada 26 Julai lalu.

Beliau berkata, antara tarikan yang diketengahkan bagi menarik perhatian pelancong Timur Tengah adalah eko-pelancongan seperti hutan simpan, hutan rekreasi dan sungai yang lazimnya sukar ditemui di negara masing-masing.

“

Kita pergi setiap tahun ke Dubai kerana di sana ada ekspo khas untuk menarik pelancong Timur Tengah ke Selangor

ELIZABETH WONG
Exco Pelancongan

RM776,000 baik pulih enam pangsapuri Ukay Indah



OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Sebanyak RM776,000 diperuntukkan bagi membaik pulih enam lif Pangsapuri Ukay Indah, Ampang, kata Exco Perumahan, Pengerusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad (**gambar**).

Iskandar berkata, kos itu melalui Skim CERIA dengan

Kerajaan Negeri menyumbang 80 peratus daripada keseluruhan jumlah terbabit.

"Diharap penduduk menghargai setiap baik pulih dilakukan kerana ada pihak tidak bertanggungjawab membuat kerosakan sama pada tiga projek sebelum ini.

"Kerajaan Negeri sedia membantu penduduk Pangsapuri Taman Ukay Indah yang meng-

hadapi kerosakan lif sejak setengah tahun lalu," katanya dalam kenyataan media.

Iskandar berkata, hanya lima peratus diperlukan sebelum kerja dimulakan manakala baki bayaran dibuat secara ansuran kepada Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) walaupun Badan Pengurusan Bersama (JMB) membayar baki

20 peratus.

"Kita yakin cara ini dapat membantu JMB meringankan beban hutang pembayaran balik.

"Jika setiap penghuni bekerjasama, setiap unit hanya dikenakan antara RM5 hingga RM20 sebulan bergantung kepada tempoh pembayaran balik,"katanya.

Exco: Bengkel cegah denggi cari kaedah baru

SHAH ALAM - Semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) bakal terlibat bengkel pencegahan denggi bagi mencari kaedah baru memerangi wabak itu.

Exco Kesihatan Selangor, Dr Daroyah Alwi, berkata Kementerian Kesihatan dan Pejabat Kesihatan Daerah turut sama menyertai bengkel pada 27 hingga 29 Julai.

"Pakar kesihatan memberi pelbagai penerangan berkaitan denggi sekali gus mencari alternatif sesuai pada bengkel itu," katanya kepada Selangor Kini.

Pada masa ini, beliau berkata, Kerajaan Negeri dan semua PBT meneruskan gerakan aktiviti pencegahan denggi pada Ramadan dan cuti musim perayaan.

"Langkah sama juga dijalankan sama sewaktu kes denggi



Dr Daroyah Alwi

menurun, tetapi akibat cuaca dan musim yang berubah-ubah menyebabkan ia meningkat," katanya.

Daroyah berkatannya, antara kawasan lain yang menjadi punca pembiakan ialah kawasan kampung di pinggir bandar dan tapak pembinaan.

12 pihak berkuasa tempatan (PBT) bakal terlibat bengkel pencegahan denggi bagi mencari kaedah baru memerangi denggi. Kementerian Kesihatan dan Pejabat Kesihatan Daerah turut sama menyertai bengkel pada 27 hingga 29 Julai.

"Kita juga menjalankan operasi bersepadu bagi membendung peningkatan kes denggi selain mengurangkan risiko jangkitan," katanya.

Kerapkan pembersihan longkang

SUBANG - Frekuensi kerja pembersihan longkang dua minggu sekali yang kini dilaksanakan di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu ditingkatkan kepada sekali seminggu dalam usaha membasmi pembiakan aedes.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata frekuensi kerja pembersihan sedia ada itu tidak efisien memandangkan kitaran hidup nyamuk aedes hanya mengambil masa seminggu untuk dewasa.

"Skop kerja perlu dirujuk kembali mengikut kepada kitaran hidup aedes.

"Aedes mengambil masa seminggu untuk membiak, maka

kerja pembersihan longkang tidak boleh dilakukan dengan frekuensi sedia ada iaitu dua minggu sekali.

"Sebaliknya, kerja pembersihan perlu dilakukan setiap minggu dan frekuensi ini perlu dilakukan terutama di kawasan awam dan kediaman," katanya kepada Selangor Kini.

Hannah berkata, Kerajaan Negeri perlu menguruskan peruntukan berkenaan tahun ini jika usaha itu memerlukan penambahan belanjawan.

"Diharap pada sidang belanjawan tahun ini, Kerajaan Negeri mengambil kira cadangan ini sebelum memberi tender ta-



Hannah Yeoh

hun depan kepada semua PBT supaya kerja pembersihan perlu mengambil kira perubahan frekuensi ini," katanya.

Usahawan agro muda bendung tanah dipajak

SHAHALAM-Program Usahawan Agro Generasi Muda diwujudkan bagi memastikan setiap tanah pertanian diusahakan generasi sebelumnya diteruskan waris bukan dipajakk kepada pihak ketiga.

Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata usaha itu bagi mengurangkan kebergantungan sumber makanan import.

"Kita dapati ada perkembangan kurang menarik apabila petani generasi lama memajakkan tanah mereka kepada pihak ketiga termasuk orang luar Selangor untuk mengusahakannya.

"Penglibatan generasi muda ini penting bagi memastikan mereka mewarisi usaha pertanian yang dijalankan ibu bapa, sekali gus menjadikan bidnag ini kerjaya yang mampu memberi pulangan menarik," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Katanya, antara langkah sudah diambil dalam program terbabit termasuk mengadakan Seminar Usahawan Agro Generasi Muda

Selangor di Carlton Holiday Hotel & Suites, di sini, pada 31 Mei lalu.

Zaidy berkata, antara isi kandungan seminar yang dihadiri 186 peserta itu adalah pendedahan testimoni kejayaan usahawan agro lain, pembentangan kertas kerja dari jabatan pertanian dan perikanan serta pendedahan pinjaman yang boleh diperolehi.

Beliau berkata, pihaknya turut menemuduga peserta bagi mengenalpasti mereka yang mempunyai potensi sebagai usahawan muda agro yang boleh dibantu.

"Setakat ini, kami sudah kenal pasti 40 usahawan agro muda dan dijangkakan hujung bulan ini selesai proses turun padang, menemuduga dan mengenalpasti bentuk bantuan diperlukan usahawan muda yang dipilih.

"Antara keutamaan kami, pertanian diusahakan di atas tanah sendiri dan sudah berkecimpung dalam bidang pertanian,"katanya.

Katanya, 40 usahawan agro muda yang dipilih kebanyakannya terlibat dalam bidang pertanian mitigasi, penternakan lembu, kambing dan tanaman kontan lain.



Gambar hiasan

MB: Pertemuan tentukan jumlah aset air dipajak

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan mengadakan pertemuan dengan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) bagi menentukan jumlah aset yang dipajakkan.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata proses itu selaras dengan perjanjian utama yang dipersetujui antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Katanya, ia perlu diselesaikan dalam tempoh 60 hari selepas perjanjian penstrukturan semula industri air negeri itu dimuktamadkan, pada 10 Julai lalu.

"Kita akan kemukakan satu senarai antara PAAB dengan Air Selangor. Kita akan selesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

"Semua berjalan dengan baik dan lancar," katanya kepada pemberita dalam Majlis Rumah Terbuka Selangor, di sini, pada 19 Julai lalu.



RM1.69 bilion disalur ke Air Selangor

SHAH ALAM - Sejumlah RM 1.69 billion nilai pajakan dari Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) dijangka akan disalurkan ke Air Selangor.

Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata perbincangan juga akan dimulakan minggu ini atau minggu hadapan.

Katanya, nilai aset keseluruhan juga dijangka tidak berubah iaitu RM9.65 billion.

"Apa yang penting ialah wang pajakan dari PAAB dapat digunakan untuk industri air Selangor apabila perbincangan selesai.

"Dengan wang itu, kita akan gunakan bagi membeli ekuiti ketiga-tiga syarikat konsesi iaitu Syarikah Bekalan Air Selangor (SYABAS), Konsortium Abbas Sdn Bhd (ABBAS) dan Puncak Niaga Sdn Bhd," katanya kepada Selangor Kini, pada 21 Julai lalu.

Terdahulu, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengumumkan pertemuan dengan Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) bagi menentukan jumlah aset yang dipajakkan kepa-



Apa yang penting ialah wang pajakan dari PAAB dapat digunakan untuk industri air Selangor apabila perbincangan selesai

Zaidy Abdul Talib
Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam,

da negeri itu.

Katanya, ia perlu diselesaikan dalam tempoh 60 hari selepas perjanjian penstrukturan semula industri air negeri itu dimuktamadkan, pada 10 Julai lalu.

HORAS 600

Tingkat bekalan air 300 juta JLH

SHAH ALAM - Hybrid off River Augmentation System (HORAS) 600 mampu menampung keperluan air mentah tambahan 300 juta liter sehari (JLH) untuk projek mitigasi 2 apabila kolam fasa satu itu siap sepenuhnya, September ini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Zaidy Abdul Talib, berkata tiga loji rawatan terlibat mampu membekalkan 436 JLH kepada Petaling, Shah Alam dan Klang.

"Bekalan air mentah tambahan itu menampung keperluan loji rawatan SSP1, SSP3 dan Rasa sebelum semua loji terlibat menghasilkan 436 JLH air terawat kepada tiga bandar utama itu.

"Projek Mitigrasi 2 tidak akan berjaya jika bekalan air mentah tak mencukupi. Sebab itu, kita mahu memastikan projek ini disiapkan September," katanya kepada Selangor Kini.

HORAS 600 adalah kaedah penakungan stormwater dan air bawah tanah dialir terus ke Lembangan Sungai Sela-


ngor melalui gabungan Off River Storage (ORS) dan Horizontal Collector Well yang terletak di Kampung Sungai Darah, Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Projek HORAS 600 bernilai RM700 juta secara keseluruhannya dan RM200 juta dipeperuntukkan bagi menampung kerja sampingan, pembelian tanah dan pam daripada jumlah itu.

Bakinya, RM500 juta pula bagi menampung kos gali kolam yang ditanggung Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dengan imbal balik penjualan pasir.

KSSB dilantik Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) sebagai kontraktor bertanggungjawab mengorek kolam takungan seluas 166 hektar dengan kedalaman 23.5 meter dari paras bumi.

"HORAS berperanan besar dalam mengurangkan kebergantungan melampau kepada satu sumber air mentah, sekali gus memberi jaminan bekalan air berterusan kepada lebih tujuh juta pengguna air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya.



Perjanjian Tambahan Perstruktur Semula Air Selangor

Cari langkah kawal bekalan

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Perjanjian Tambahan Penstruktur Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Selangor dilihat sebagai satu pencapaian yang baik dalam memenuhi keperluan rakyat.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kebanyakan rakyat bimbang wujudkan krisis air di Selangor yang berterusan tanpa keputusan muktamad jika persetujuan itu tidak dapat dicapai.

"Apa yang diharapkan rakyat melalui perjanjian tambahan itu adalah kerajaan dapat memberi perhatian lebih berkenaan bagaimana meningkatkan kapasiti air terutama air rawatan.

"Apabila tiba musim kemarau, kita menghadapi masalah kekurangan bekalan air di empangan yang agak kritikal.

"Kerana bekalan air di Selangor juga menyumbang kepada bekalan air di Kuala Lumpur dan Putrajaya, jadi jika krisis ini berterusan mungkin beri kesan seperti catuan," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Mohd Yusof berkata, ia juga memberi kesan kepada masalah ekonomi dan kerja pembangunan yang akan tergendala akibat bekalan tidak mencukupi.

"Yang penting adalah pertingkatkan loji rawatan sedia ada supaya ia mempunyai kapasiti mencukupi bagi memastikan masalah catuan air tidak akan berulang seperti tahun lalu.

"Rakyat juga mengharapkan



kedua belah pihak dapat mencari langkah bagaimana memastikan bekalan air di Selangor akan terus terkawal melalui persetujuan itu," katanya.

Selain itu, Mohd Yusof berkata, kerjasama yang bakal terjalin itu perlu terus wujud walaupun mempunyai perbezaan pendapat politik.

"Melalui kerjasama Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pelbagai isu dapat diselesaikan tidak kira air, pembangunan dan yang lain demi kepentingan rakyat," katanya

Rakyat tarik nafas lega

SHAH ALAM - Rakyat memandang positif kejayaan penstruktur semula industri air di Selangor hasil perbincangan bersama Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Pembantu Operasi, Wan Raffidah Wan Yusof, 37, berkata rakyat sudah boleh tarik nafas lega selepas perjanjian penstruktur air dapat dimuktadkan dan tidak perlu dipolitikkan lagi.

"Sudah bertahun masalah isu air timbul dan kerap keluar di media massa yang asyik menyalahkan pihak sana dan sini.

"Apa yang penting bagi kami isu air dapat diselesaikan dengan segera sebab ia adalah keperluan yang sangat penting kepada rakyat," katanya kepada Selangor Kini.

Pembantu Penyelenggaraan, Madzuki Yahya, 58, berkata usaha Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali patut dipuji kerana beliau turun naik ke Putrajaya demi mendapatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan.

"Sikap beliau yang tegas mempertahankan hak rakyat akhirnya dapat menyelesaikan isu air



Wan Raffidah

walaupun pada awalnya menghadapi pelbagai masalah.

"Kerajaan Persekutuan seharusnya memberikan kerjasama yang baik supaya masalah air dapat diselesaikan lebih awal lagi," katanya.

Sementara itu, Nabila Farhana Mohd Zaki, 26, berkata perbezaan politik harus diketepikan untuk menyelesaikan isu penstruktur air di Selangor.

"Peranan kerajaan adalah mendahulukan kepentingan rakyat.

"Saya berharap di masa akan datang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat terus memberikan kerjasama demi kebaikan rakyat dan negara," katanya.



PKNS

PELAWAAN PRA KELAYAKAN (PRE-Q)

RAKAN PEMBANGUNAN UNTUK PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah ditubuhkan dibawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada 01 Ogos 1964, sebagai sebuah badan berkanun dan agensi utama pembangunan di peringkat Negeri Selangor. Teras utama bisnes PKNS adalah sebagai pemacu utama pembangunan hartanah dan menyumbang kepada kerancangan ekonomi di Negeri Selangor.

PKNS mempelawa pemohon yang berkelayakan untuk mengambil bahagian dalam proses Pelawaan Pra-Kelayakan (Pre-Q) sebagai rakan pembangunan bersama-sama dengan PKNS.

Proses Pre-Q dibuka kepada syarikat pemaju hartanah berdasarkan kriteria-kriteria berikut :

| Kategori 1 | Kategori 2 | Kategori 3 | Bumiputera |
|---|--|--|---|
| Modal Berbayar Syarikat (Paid-up Capital) atau Dana Pemegang Saham (Shareholder's Fund) sekurang-kurangnya RM50 juta dan ke atas | Modal Berbayar Syarikat (Paid-up Capital) atau Dana Pemegang Saham (Shareholder's Fund) sekurang-kurangnya RM30 juta hingga RM50 juta | Modal Berbayar Syarikat (Paid-up Capital) atau Dana Pemegang Saham (Shareholder's Fund) sekurang-kurangnya RM20 juta dan ke bawah | Modal Berbayar Syarikat (Paid-up Capital) atau Dana Pemegang Saham (Shareholder's Fund) sekurang-kurangnya RM1.0 juta dan ke bawah |

PKNS mempunyai hak untuk menerima atau menolak sebarang serahan atau membatalkan Pre-Q pemohon di mana perlu, tanpa membayar balik sebarang perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh pemohon dalam proses Pre-Q. Segala keputusan yang dibuat oleh PKNS adalah muktamad.

Pemohon yang disenarai pendek akan dimaklumkan dan selanjutnya akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam proses Pelawaan Mengemukakan Cadangan (RFP).

Syarat umum dan dokumen yang berkaitan Pre-Q boleh dimuat turun daripada laman web <http://www.pkns.gov.my> bermula **8.30 pagi 31 Julai 2015** sehingga **5.30 petang 20 Ogos 2015**.

Set dokumen Pre-Q yang lengkap dan ditandatangani oleh pemohon hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeteraikan dan didepositkan ke dalam Kotak Tender disediakan sebelum **12.00 tengah hari, 21 Ogos 2015 (Jumaat)**.

CSR MBI aktif gerak misi bantuan kemanusiaan

OLEH HAFIZAN TAIB

Walaupun baru setahun jagung, Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) aktif menggerakkan misi bantuan kemanusiaan. Gerak kerjanya bukan sahaja di Selangor malahan menjangkau ke peringkat nasional dan antarabangsa. Iku-ti temubual Selangor Kini (Q & A) bersama **Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MBI, Mohd Jaafarudin Md Ali.**

Q&A

Bila CSR MBI bermula?

CSR atau Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan MBI ini diwujudkan pada Januari 2015 dan pada masa sama saya dilantik mengetuainya. Kelainan yang kita buat iaitu kita menyantuni beberapa golongan sasaran yang kita lihat perlukan pembelaan, kasih sayang dan keprihatinan.

Segala dilakukan Kerajaan Negeri ini adalah langkah baik dalam usaha kepedulian serta pembelaan ke golongan sasaran sepatutnya.

Bagaimana dengan misi CSR MBI?

Sejak enam bulan saya mengetuainya, sudah ada beberapa misi sama ada dalam dan luar negara. Yang boleh kita kongsi ialah misi bantuan ke Nepal, Jun lalu untuk menyantuni mereka yang terkena musibah gempa bumi.

Kita bukan hanya menyalurkan bantuan kepada mereka tetapi kita berjaya mengislamkan be-

berapa keluarga. Maksudnya kita tidak sekadar menjalankan usaha CSR tetapi boleh juga menamakannya misi dakwah di mana perjalanan lima hari empat malam itu ditanggung sepenuhnya CSR MBI.

Selain itu kita juga menggerakkan misi bantuan dan kasih sayang ke Manik Urai, Kelantan, akhir tahun lalu iaitu membantu dan menyantuni mangsa serta keluarga yang diuji dengan musibah banjir.

Kita menyalurkan pelbagai bentuk bantuan antaranya RM1 juta bagi pembinaan rumah atau perkampungan desa Darul Ehsan di samping Kerajaan Negeri sendiri menyalurkan dana menerusi PKNS.

Selain itu, kita juga menyalurkan dana kilat berjumlah RM1 juta daripada tabung asnaf MBI. Alhamdulillah kita meneruskan lagi misi ke Warsaw, Poland, awal Julai ini apabila kita menyantuni etnik Chechnya iaitu lebih kurang 18,000 orang yang memerlukan perhatian.



Antara yang kita sumbangkan ialah membekalkan tempat sembelihan halal dan sumber bagi mendapatkan daging halal. Ini kerana etnik Chechnya dipaksa untuk memakan daging khinzir di khemah pelarian berkenaan. Maka menjadi tanggungjawab kita bagi menunjukkan keprihatinan dan kasih sayang kepada mereka.

Namun kita tidak melupakan tanggungjawab di dalam negara di mana pada Ramadan lalu kita menyampaikan sumbangan Aidilfitri khususnya kepada golongan asnaf, ibu tunggal, anak yatim dan sebagainya.

Kewujudan CSR MBI ini amat bertepatan dengan konsep Selangor sebagai sebuah negeri yang mementingkan kebajikan.

Apa peranan dimainkan CSR MBI bagi soal kebajikan di dalam Selangor?

CSR MBI tidak bergerak sendiri iaitu kita ada badan lain yang antaranya Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan yang lain dengan kita sentiasa berhubung

dari semasa ke semasa untuk memastikan program dirangka dan dijalankan bukan hanya bertepatan dengan kehendak dan aliran syarak tetapi pada masa sama ia sesuai dan kena dengan sasaran difokuskan.

Bagaimanapun bukan senang untuk kita mengenal pasti sasaran dan golongan yang ingin dibantu. Banyak ujian dan mehan termasuk cabaran yang terpaksa dihadapi. Bukan hanya soal kerja kejahatan atau perkara tidak baik sahaja yang mendapat kritikan tetapi ada masanya kerja yang lurus dan betul juga kita akan diuji dan diduga.

Kita anggap ini sebagai ujian untuk kita meneruskan usaha kebaikan dan kebajikan di samping kita menyahut saranan hadis Rasulullah SAW iaitu bermakna "Tidak sempurna iman, keyakinan yang ada pada diri kita khususnya umat Islam selagi mana kita tidak menunjukkan kasih sayang, keprihatinan, kecintaan dan sifat ambil berat kepada saudara sesama Islam kita bahkan yang bukan Islam".

Dengan ini antara pendekatan dibuat adalah meluaskan skop

bantuan dengan usaha sama LZS, JAIS serta yang lain di peringkat daerah selain mendekati kita dengan masjid dan surau serta pimpinan masyarakat hingga ke bawah.

Setakat ini bagaimana maklum balas diterima daripada umum dalam tempoh terbabit?

Alhamdulillah ianya amat baik. Siapa yang tidak merasa gembira bila menerima sumbangan dan santunan kerana mereka ini ada masanya tidak diendahkan.

Bila CSR MBI tampil begini dan kumpulan sasaran ini nyata senang dengan wujudnya satu badan yang bersifat peduli terhadap kesusahan dan kepayahan masyarakat di dalam Selangor.

Bagaimanapun dengan tenaga kudrat terbatas dimiliki ketika ini, mungkin belum cukup menyeluruh lagi bantuan dan sumbangan yang mampu dihulurkan dengan sedikit dana yang ada tetapi insya Allah dengan bantuan maklumat dan sumber berterusan daripada pelagai pihak dan umum, kita akan dapat menyebar luas skim bantuan kita.



CSR MBI tidak sekadar menyantuni dan membantumasyarakat Islam tetapi juga membabitkan bukan Islam. Boleh dijelaskan bagaimana?

Kita tidak mengamalkan konsep memilih bulu iaitu tidak hanya menyantuni mereka beragama Islam sahaja tetapi semua yang namanya masyarakat khususnya dalam Selangor.

Mengambil contoh seperti Nepal yang majoritinya rakyatnya bukan Islam yang kita santuni inikan pula rakyat Selangor yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.

Tidak ada istilah pilih bulu, perkauman dan perbezaan agama, kita membantu dari hati ke hati. Mudah-mudahan apa yang kita lakukan ini menjadikan hati rakyat Selangor bersatu kukuh dalam wadah sama.

Bagaimana pula ada persepsi pihak tertentu yang mengatakankan bantuan disalurkan ada kalanya lambat?

Saya mohon maaf seandainya perkara itu berlaku. In kerana unit ini baharu ditubuhkan dan saya mengetuainya dengan kekangan tenaga kerja yang kurang. Bagaimanapun saya tidak bersendirian dan tidak meminggirkan rakan lain dalam MBI.

Menerusi bantuan maklumat dan sumber diperolehi termasuk dari media SelangorKini dan lain, kita membaiki segala kekurangan dengan penambahbaikan melalui skim bantuan disalurkan.

Alhamdulillah dalam tempoh enam bulan ini, kita mencapai kemajuan menggalakkan berharap ianya berterusan dengan perancangan lebih teratur dan sempurna.

Apa perancangan seterusnya bagi memperkasakan unit CSR MBI?

Mana-mana unit dan badan akan ada misinya dan matlamatnya, begitu juga CSR MBI. Kita harap dengan matlamat apa

yang kita agihkan dan kongsi bukan hanya berbentuk pemberian semata-mata.

Kita berharap golongan lemah dan miskin yang perlukan bantuan dari semasa ke semasa dapat membaiki kualiti kehidupan mereka supaya keluar dari kepompong kepayahan.

Matlamat seterusnya iaitu kita berharap dengan segala usaha ketika ini mudah-mudahan rakyat Selangor khususnya dapat melihat bahawa kesungguhan CSR MBI dengan dinaungi Kerajaan Negeri ketika ini bersungguh-sungguh untuk kita menzahirkan kepedulian, kasih sayang dan keprihatinan kepada mereka yang memerlukan dan seterusnya mendapat redha daripada Allah SWT.

Walaupun Selangor menjadi negeri yang maju tetapi masih ada golongan di bawah garis kemiskinan. Apa usaha CSR MBI bagi membantu mereka dan berapa peratus dibantu setakat ini?



Mana-mana negeri maju akan ada dugaan dan ujian. Itulah sunnatullah. Kalau kita sebut negara maju seperti Jepun, Korea, Amerika Syarikat, Jerman dan sebagainya, mereka juga ada kadar kemiskinan masing-masing. Dengan adanya golongan semacam ini maka wujudlah CSR dan wujud tangan yang nak memberi.

Sebenarnya yang diuji bukan hanya mereka yang di dalam kesusahan dan kepayahan tetapi kita dipertanggungjawabkan juga sedang diuji. Sejauh macam sensitiviti dan kepedulian kita? Apa persepsi kita apabila melihat orang susah, golongan fakir, lemah, orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya? Apa rasa kita?

Bukan pula saya mendoakan ada orang susah tetapi itulah bentuk kerja Allah SWT yang mana memberi peluang golongan sasaran menduduki dalam Selangor dengan ditadbir pemerintah dengan unit diamanahkan untuk menyantuni mereka.

Saya tidak dapat menyatakan dengan jelas dari segi peratus tetapi yakin dalam tempoh masa dengan komitmen dan kepimpinan tinggi Kerajaan Negeri, CSR

MBI akan meneruskan usaha kebajikan ini serta meluaskannya tidak hanya seluruh Selangor tetapi seluruh tanahair termasuk menyebar luasnya ke seluruh dunia. InsyaAllah.

Kalau di Selangor sendiri ada masalah kemiskinan, kenapa nak menghulurkan bantuan di luar Selangor?

CSR MBI memang memberi fokus dan keutamaan khusus kepada Selangor, bagaimanapun kita tidak boleh melupakan tanggungjawab kepada masyarakat lain di luar. Elemen kita iaitu kita berdiri dan wujud dengan doa, harapan dan sangka baik masyarakat yang mana bukan hanya di dalam Selangor tetapi daripada luar.

Saya umpamakan macam satu keluarga apabila kita mempunyai sejumlah empat lima orang anak yang kita bantu dari segi bantuan persekolahan, makan pakai dan yang lain tetapi ianya pada masa sama tidak menghalang kita bagi membantu anak orang lain.

Dalam Islam ia bukan hanya memberi fokus atau menjuruskan kepada skop atau kepompong yang kecil sahaja tetapi ia merangkumi persekitaran lebih luas.

InsyaAllah kita berusaha untuk mengimbangi kerja kebajikan di dalam Selangor dan juga di luar. Harapan kita moga tidak ada pihak yang memperitakikan dan menyalahertikan dengan menyatakan CSR MBI banyak ke luar dan tidak menyantuni masyarakat di Selangor.

Buktinya dalam Ramadan lalu, kita sudah menyalurkan bantuan zakat sebanyak RM2.5 juta kepada LZS tidak termasuk sumbangan peribadi saya dan rakan-rakan MBI lain untuk kumpulan memerlukan.



▶ Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Hee Loy Sian bersama-sama dalam Majlis Sambutan Aidilfitri di Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz, Jalan Templer, Petaling Jaya



▶ Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafie ditemubual pelajar UiTM yang ingin mengetahui kesan cukai GST pada pembangunan negara



▶ Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman menyampaikan sumbangan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) kepada waris di pejabat DUN Meru



▶ Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh bersama Persatuan Penduduk Pangsapuri Indah Court di PJS 11 Sunway bagi kerja naik taraf di pangsapuri dan dewan orang ramai untuk pelbagai kegunaan



▶ Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong menziarahi rumah Pemimpin Persatuan Sejarah Kuala Kubu, Ridzuan semasa sambutan Aidilfitri



▶ Hasbullah Ridzwan, Adun Gombak Setia meraikan Rumah Terbuka Aidilfitri, Ketua Kampung Sungai Pusu, Tok Yunus di Desa Gemilang Kampung Sungai Pusu



▶ Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin menyampaikan ucapan dalam program Pertubuhan Transformasi Sekolah Tamil Malaysia. Program itu untuk membantu pelajar dari SJK(T) bersiap sedia menghadapi UPSR akan datang



▶ Adun Sabak, Sallehen Mukhyi mentahnik anak kepada pasangan Mohd Hafiz dan Huzaimah yang berusia 2 ½ bulan semasa Jamuan Aidilfitri PKM DUN Sungai Panjang yang diadakan di Dewan Sri Bernam, Sungai Besar



▶ Adun Templer, Zaidy Talib mengunjungi kawasan Kampung Selayang Pandang yang dilanda banjir kilat petang kelmarin dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa yang terlibat

OLEH ROSLAN JOMEL

Melalui Wan Nor Azriq yang berkunjung ke Indonesia tahun lepas, aku memesan buku terbaharu kumpulan cerpen Eka Kurniawan, Perempuan Patah Hati Yang Kembali Menemukan Cinta Melalui Mimpi. Buku kumpulan cerpen terbaharu itu penting bagi aku yang memang menjurus dalam penulisan cerpen. Aku ingin tahu apa percubaan dilakukan oleh Eka Kurniawan dalam mengukuhkan namanya sebagai penulis prosa terbaik dari Indonesia. Dan itulah juga apa yang sedang diusahakan oleh Wan Nor Azriq di Malaysia dalam novel-novel pendek eksperimentalnya. Masing-masing giat merubah landskap penulisan karya sastera kontemporari dan menyedarkan kita sastera bukan sejenis sifatnya.

Dari buku kumpulan cerpen terbaharunya itu, aku semakin maklum bahawa bahasa dan penceritaan Eka Kurniawan bertambah jernih, kemas dan komunikatif buat para pembaca. Ini tanda kematangan seseorang pengkarya. Dia tidak menyukarkan sesebuah cerita sebaliknya menyampaikannya sejelasa mungkin. Dongeng untuk dunia masa depan sudah tentu berlainan dengan dongeng suatu ketika dahulu. Eka Kurniawan memindahkan pengalaman naratif sastera luar yang mungkin mendatangkan inspirasi dalam penulisan di blog. Aku tiada masalah dengan hal sedemikian. Bahkan aku suka membaca karya parodi yang diambil daripada cerita sebelumnya. Jika anda pintar menulisnya, siapa tahu cerita ditulis anda itu lebih bagus. Seseorang penulis kadang-kadang memerlukan inspirasi daripada penulis lain, namun seorang penulis tidak mungkin berjaya menulis seperti Nabokov,

MEMAYU HAYUNING BAWONO

Bayang-bayang telah rebah ke timur
Bulan tidur dan fajar membelai alam semesta
Bergetar rahim ibu bumi dengan gunung-ganang yang membasah dari keringat
Langit yang luruh tanpa henti lalu menjadikan bah yang membasuh semua noda-noda rakus.

Matahari-lah yang melestarikan jalan aspal yang lengang.
Zahir cahayanya ikut alur sungai mudik ke hilir
Dan disitulah tempat bertaut kasih air dan tanah.
Sepertimana berahnya gagak mahu bercumbu
Dengan hijauan hutan seperti itulah manusia perlu berasmara ampun dan menyemai sejahtera kepada bumi dibawah ketaatan-Nya.

KAKA JAMALUDDIN

Dongeng masih diperlukan oleh dunia

Borges, A. Latiff Mohidin dan Paul Auster, misalnya. Itu pesan daripada Etgar Keret.

Jika anda singgah ke blog Eka Kurniawan, dihebahkan novel Cantik Itu Luka dan Lelaki Harimau kini rancak diterjemahkan dalam beberapa bahasa penting dunia. Sesuatu usaha strategik untuk menaikkan kedudukan Eka Kurniawan sebagai penulis dari Asia Tenggara. Sedih rasanya bila mengenangkan aktiviti penterjemahan dalam negara ini. Lupakan hal itu. Bahkan ada kenyataan dari pemerhati sastera barat bahawa naratologi Cantik Itu Luka mengatasi kehebatan One Hundred Years Of Solitude. Tiada yang berlebihan dengan pandangan demikian, secara jujurnya aku begitu kagum dengan kerja keras Eka Kurniawan untuk menyiapkan Cantik Itu Luka. Sebuah novel tebal yang menceritakan kehidupan eksotik di Indonesia semasa kedatangan pihak kolonial. Ia ternyata novel pintar daripada seorang bakal penulis yang bercita-cita tinggi untuk sebaris dengan karya-karya besar dunia. Perbandingan tahap penulisan dengan Pramoedya Ananta Toer mungkin menjadi nyata sedikit masa lagikeranaaku



Eka Kurniawan

tahu Eka Kurniawan sudah tentu menghasilkan karya-karya yang lebih menarik. Eka Kurniawan tidak dapat tidak harus mengatasi kepiawaiannya yang telah dilakukan oleh Pramoedya Ananta Toer itu. "Setiap penulis ingin menghasilkan karya yang bagus," demikian katanya ketika bertemu di Restoran Insaf Jalan TAR pada tahun lepas. Ia bagaikan sumpahan buat mana-mana penulis.

Kronologi Eka Kurniawan diteruskan dalam penulisan genre cerpen mutakhirnya. Buku Perempuan Patah Hati Yang Kembali Menemukan Cinta Melalui Mimpi menyerlahkan kekemasan sesebuah penulisan. Ini elemen terpenting untuk mengukur kejayaan seseorang penulis kreatif dan ia bukan sesuatu hal yang boleh diketepikan. Sebagaimana ciri-ciri seorang penulis yang bagus, Eka Kurniawan gemar bermain dengan plot berlukuliku seperti ditunjukkan dalam novel Cantik Itu Luka. Pendekatan sebegini turut diterapkan dalam cerpen-cerpen yang terkumpul dalam buku kumpulan cerpen terbaharunya. Plot terkawal justeru mencerminkan alur cerita yang licin. Misalnya dalam cerpen yang menjadi tajuk kepada buku kumpulan cerpen ini. Begitu juga dengan cerpen yang menjadi perkenalan awal aku dengan karya-karya Eka Kurniawan, Gincu Ini Merah, Sayang. Peminat karya-karya tulisan Jhumpa Lahiri sudah tentu mengesan ketelitiannya menjalinkan plot dengan rapi dan kemahiran sebegini menjadikan sesebuah cerita lebih mantap dan meyakinkan.

Penyair Bangladesh, Aminur Rahman dalam sebuah wawancara dalam Dewan Sastera isu Julai 2015 memberi pandangan yang agak menarik berhubung fenomena sastera kontemporari. Beliau berpendapat perkembangan sastera barat mula mengalami kesusutan artistik sebaliknya



sastera Asia dan Amerika Selatan semakin menuju puncak kehebatan. Aku bersetuju dengan perspektif itu. Namun begitu, aliran penulisan Dirty Realism yang menjadi teras penulisan pengarang-pengarang Amerika Syarikat masih tetap mengancam dan memukau. Klise dan pengulangan cerita yang sama merupakan penyakit lama dalam ciptaan karya sastera. Sastera mahukan dunia baharu, gaya pengisahan yang segar dan menganjukkan nilai penulisan ke tahap yang tidak pernah dilakukan sebelumnya. Setelah Roberto Bolano membangkitkan sensasi baharu dalam dunia sastera, kemunculan nama-nama seperti Cesar Aira, Yuri Herera, Patricio Pen, Alenjandro Zambra, Andres Neuman, Guadalupe Nettel akan terus melonjakkan keunikan gaya penulisan dari Amerika Selatan. Dan jangan lupa perkembangan pesat sastera di Afrika yang tidak kurang menariknya sebelum kita berfikir apakah yang boleh dibanggakan dengan sastera tempatan untuk dihantar ke persada dunia melalui versi terjemahan.

Demikian apabila Eka Kurniawan hadir ke pentas dunia dengan novel realisme magisnya, Cantik Itu Luka yang boleh dibaca dalam pelbagai bahasa utama dunia. Buku kumpulan cerpen terbaharunya biarpun tidak lagi ditulis menggunakan pendekatan asas novel Cantik Itu Luka, namun masih memperlihatkan kualiti yang setara dari sudut penceritaan. Aku fikir sudah tentu Eka Kurniawan berharap agar buku kumpulan cerpennya turut diterjemahkan untuk edaran antarabangsa. Dengan adanya karya berkualiti dan usaha penterjemahan bersungguh-sungguh, tiada yang ganjil andai muncul nama-nama penulis dari blok Asia Tenggara ke persada antarabangsa. Dan Eka Kurniawan ialah salah seorang tokoh persuratan yang kini mengharum namanya dengan bakat kepengarangan sebanding dengan penulis-penulis antarabangsa.

OLEH SYAFIQ GHAZALI

Suarabaru tahu manuskrip novelnya telah dipungut hantu. Dia mencapai resolusi itu memandangkan lima bulan setelah manuskrip itu dihantar —secara terus— ke sebuah sayembara dan kemudian berlalu pula dua bulan selepas keputusan pemenang diumumkan, nasib manuskrip itu masih tidak diketahuinya. Hantu jenis apa yang memungutnya Suarabaru tidak tahu, tapi pernah sekali dia rasa dia melihat hantu itu melintas di ekor matanya. Satu tingkah laku mengejek-ngejek tentu sekali, fikirnya.

Sebelum itu Suarabaru ada berfikir mungkin panel penilai sayembara itu telah mengesampingkan manuskripnya kerana ter- salah anggap ia adalah manual penyelenggaraan kereta, memandangkan dia menggunakan nama pena 'Subaru'. Namun, belum sempat fikiran itu dihadapannya dalam-dalam, Suarabaru terlebih dahulu mencampaknya jauh dari porsialnya. Panel penilai bukannya susuk lurus bendul, fikir Suarabaru.

Alasan bahawa manuskripnya ditolak kerana buruk kualiti tidak pernah dititik beratkannya. Dia tahu, sangat tahu, manuskrip itu adalah manuskrip yang berkualiti, sebuah karya yang memiliki gaya khas tersendiri. Ia tidak memihak pada mana-mana jenis sastera, sama ada arus perdana atau pun independen. Ia adalah produk sastera tunggal hasil cernaan imaginasi dan intelektualiti dirinya sendiri yang mana, dia percaya, bakal membuatkan penulis-penulis eksperimen terlopong kerana ternyata laci imaginasi mereka tidak seluas yang disangka, atau bakal mendorong para pengkritik sastera bersara awal setelah mendapat ivo-

kabulari sastera mereka tidak mencukupi dalam membahaskan karyanya nanti.

Tapi karyanya itu belum diterbitkan. Ia kini berada di tangan seekor hantu yang tidak diketahui jenisnya atau namanya atau rupanya.

Dia ada menghubungi penganjur sayembara itu, sebuah syarikat penerbitan paling utama di negara ini, ingin bertanya jika dalam bangunan mereka ada bersarang hantu atau tidak. Tiada jawapan dari pihak sana; setiap kali dia telefon, setiap kali itulah talian sibuk.



Kerana itu dia menelefon kawannya, Philip Marlowe, seorang dektif imaginasi, bagi membantunya menjejaki hantu itu.

Marlowe menyatakan dia tidak arif dalam hal-hal hantu, tapi pengalaman bertahunnya dalam dunia jenayah imaginasi memberitahunya bahawat empat terbaik untuk memulakan penyiasatan adalah lokasi terakhir ia berada: bangunan syarikat penerbitan. Keesokannya Suarabaru dan Marlowe menuju ke sana.

Syarikat penerbitan itu terletak di atas sebuah bukit. Tempatnya jauh dari stesen LRT, dan hanya mempunyai satu jalan masuk. Oleh kerana tidak memiliki kenderaan sendiri, dan juga tiada wang yang cukup untuk menaiki teksi, Suarabaru dan Marlowe mengambil bas ke sana, seterusnya menyambung baki perjalanan dengan berjalan kaki.

Sewaktu berjalan, Suarabaru mengambil kesempatan untuk menghisap rokok khayalan dan menghembus asap halimunan. Marlowe, yang tidak senang melihatnya, mempersoalkan tingkah laku berpura-pura itu. Suarabaru sekadar menjawab: 'Untuk bacaan umum'.

Tiba di sana, Suarabaru mengarahkan Marlowe untuk masuk ke dalam bangunan sementara dia melepaskan lelah di sebuah warung berhampiran. Sedang menunggu Marlowe membuat kerjanya, dia memikirkan kehebatan karyanya itu: baginya, karya itu layak memenangi tempat pertama. Gagasannya melangkai mana-mana gagasan sastera. Dikisinya minimalis tapi sarat innuendo. Naratifnya menggabungkan didaktisme dan estetisme sekaligus, yang digerakkan melalui kaedah arus kesedaran. Mudah-mudahan, ia merupakan sebuah bom nuklear yang akan meletup-ke- luaran kebijaksanaan dan keseronokan buat pembacanya (dia menyebut bom nuklear kerana ia sesuatu yang sensasi).

Plotnya dimodelkan dari The Third Policeman, yang mana ia adalah novel paling agung bagi Suarabaru, novel yang sama sekali tidak layak dikritik, dan hanya patut dibiarkan melayang bebas ke mana saja ia mahu. Mengkritik novel agung ibarat mengurung merak dalam sangkar sempit, fikirnya (ia perbuatan jenayah!). Namun, pada draf kedua, dia mendapati novelnya itu menyerupai The Third Policeman hanya pada permukaannya. Pada intinya, ia lebih mendekati labirin Borges.

Masuk saja draf ketiga, Suarabaru percaya ia adalah magnum opus pada cubaan pertama, sebuah novel pasca-eksistensial

yang setara dengan novel-novel besar dunia. Jika terbit, ia bakal mengejutkan imaginasi yang dah lama tidur dari dalam diri manusia yang membosankan, dan akan membuat mereka percaya bahawa dirinya a itu bukan dirinya —imaginasi itu adalah dirinya yang sebenar, atau dirinya yang sebenar adalah imaginasinya.

Membacanya, Suarabaru merasa keliru sekali gus takjub, sebagaimana lagaknya Narcissus yang melihat wajahnya pada permukaan air. Tapi dia bukan Narcissus, atau refleksinya. Dia lebih merasa dirinya adalah gandaan Borges; Borges yang keliru dan meragui dirinya yang mana satu — Borges atau Borges — yang menulis Borges and I tapi masih percaya yang menulisnya tetap Borges.

Meski demikian, karyanya itu tidaklah seselirat labirin Borges. Dia mencanainya sesuai dengan tahap literasi pembaca negara. Dia Tidak mahu novelnya nanti jadi seperti Ulysses yang hanya dibaca oleh pembaca elit, atau seperti Finnegans Wake, yang kekal tinggal sebagai teka-teki agung — sebuah 'Kekeliruan Moden', Suarabaru menggelnarnya — kerana jawapannya telah terkubur bersama penulisnya (bahkan Suarabaru percaya James

Joyce sendiri tiada jawapannya. Kemungkinan besar dia dirasuk hantu mabuk sewaktu menuliskannya. Buktinya adalah perkataan ini: *bababadalgharaghtakamminarronkonnbronnttonnerronn-tuonnthunntrovarrhounawn-skawntooohooordenenthurnuk!*).

Berlalu satu jam, Marlowe kembali bersama manuskripnya. Kondisinya: kerunyut dan diselaputi apa yang kelihatan seperti sos tomato dan hingus kering. Untuk mendapatkan manuskrip itu, Marlowe memberitahu, dia terpaksa turun naik tangga banyak kali dan berjumpa dengan orang yang memintanya berjumpa dengan orang sekian-sekian yang kemudian memintanya berjumpa dengan orang sekian-sekian yang lain pula. Setiap yang ditemuinya, jawapan yang diaterima adalah 'tidak tahu'.

Akhir sekali Marlowe menemui manuskrip itu dalam tong sampah besar di belakang bangunan syarikat penerbitan itu.

Suarabaru tak percaya, dan mula marah. Dia lenyapkan Marlowe begitu saja dan bergegas pulang. Tiba di rumah, dia masuk kebiliknya, dan situlah dia ternampak hantu yang dicarinya selama ini. Berdiri di depan cermin, dia lihat, betul-betul setentang dengannya, hantu itu sedang memegang manuskripnya.

Alasan bahawa manuskripnya ditolak kerana buruk kualiti tidak pernah dititik beratkannya. Dia tahu, sangat tahu, manuskrip itu adalah manuskrip yang berkualiti, sebuah karya yang memiliki gaya khas tersendiri

Kirim cerpen dan puisi kepada seniselangor@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang

Tak hilang di arus kemodenan



OLEH MOHD EZLI MASHUT

Baraan, lain padang lain belalang, lain lubuk lain ikannya, lain tempat lain caranya, mungkin di tempat lain namanya juga lain.

Kemeriahan Syawal di Kampung Harmoni di Bestari Jaya tidak bermakna dan berseri jika tradisi baraan kunjung dari rumah ke rumah tidak diadakan.

Sejak ia dimulakan pada 1973, tradisi baraan itu diteruskan sehingga ke hari ini setiap tahun yang sudah pun menjangkau lebih 42 tahun.

Di Kampung Harmoni ini, baraan dijalankan pada 2 Syawal dan bermula seawal jam 9.00 pagi sehingga selesai ke semua rumah dikunjungi yang turut disertai pimpinan kampung dan masjid.

Jika dahulu hanya puluhan rumah, kini angka itu mencecah lebih 200 buah rumah untuk dikunjungi setiap ahli baraan yang setiap tahun dihadiri lebih 200 peserta.

Uniknya di sini setiap peserta baraan perlu memakai Baju Melayu bersampin lengkap yang turut disertai pelbagai lapisan umur dari muda sehingga warga emas.

Baraan ialah istilah jawa yang bermaksud berjalan atau ziarah beramai-ramai dalam kumpulan pada hari raya.

Menurut Orang Tua-Tuan di sini katanya, dahulunya dalam era 70an- 80an, peserta baraan menaiki basikal berkunjung dari satu rumah ke rumah lain.

Kini, oleh kerana pertambahan rumah dari setahun ke setahun, baraan di Kampung Harmoni pecahkan kepada empat kumpulan untuk memastikan ia dapat disiapkan dalam masa sehari dan seboleh-bolehnya sebelum menjelang Maghrib.

Ekoran banyak rumah untuk dikunjungi dalam sehari, akibatnya kunjungan sesebuah rumah memakan masa 5 – 10 minit sahaja, malah mungkin lebih awal daripada itu.

Bagi mengemaskini operasi baraan berjalan lancar, setiap kumpulan dibekalkan dengan alat Walkie Talkie agar setiap rumah dimasuki serta melancarkan perjalanan.

Sebaik sahaja ke semua sudah memasuki rumah, pembaca doa yang dilantik membacakan doa makan serta diadakan doa

ringkas tahlil untuk ahli rumah serta diakhiri dengan berselawat beramai-ramai.

Kebiasaannya setiap wakil tuan rumah turut serta dalam rombongan. Itu 'syarat wajib' atau sebenarnya sikap tanggungjawab dan tanda sepakat jika mahu rombongan baraan singgah ke rumah.

Namun, ia bukan keutamaan di sini, malahan kesemua rumah penduduk dikunjungi termasuk menyatuni warga emas dan bertanya khabar.

Bagi penulis, mengikuti baraan setiap tahun sejak kecil bagaikan satu 'kewajipan' walaupun bekerja di luar kawasan.

Bagi memudahkan perjalanan menghabiskan mengelilingi dari seluruh kampung dalam baraan, motosikal menjadi pilihan peserta baraan.

Deruman enjin motosikal meskipun mbingitkan telinga di samping dentuman mercun bola saling berbalas bagaikan mengiringi pergerakan rombongan.

Namun walaupun bahaya, keselamatan diutamakan malahan itu kadang-kadang yang memecahkan kesunyian kampung setahun sekali.

Di kesempatan baraan itu juga anak-anak kampung yang merantau dan bekerja di luar kampung dapat bertemu setahun sekali.

Yang paling teruja dan memeriahkan suasana adalah kalangan kanak-kanak yang mendapat duit raya walaupun RM1. Yelah, jika ada 30 buah rumah yang memberi sudah pasti penuh kantung mereka.

Di sini baraan dimulakan di Masjid Darul Ibadah dan setiap waktu Solat Zuhur dan Asar kembali semula ke Masjid untuk Solat Berjemaah kemudian baru diteruskan.

Baraan di sini selalunya berakhir dengan kesemua kumpulan bergabung semula untuk pertemuan terakhir dan bacaan doa sebelum bersurai.

Kutipan derma untuk kebajikan juga diumumkan untuk program membantu golongan memerlukan di kampung.

Berakhirnya mengikuti baraan sehingga selesai adalah kepuasan sukar digambarkan. Jika tanpa baraan tiada seri perayaan Aidilfitri.

Diharapkan tradisi ini diteruskan bukan sahaja di sini malahan ditempat-tempat lain.



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

RALAT KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta sudah membuat pendaftaran GST dengan **Jabatan Kastam Diraja Malaysia** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | SYARAT PENDAFTARAN | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH TENDER DITUTUP |
|--|--|---|--|
| CADANGAN KERJA-KERJA LANDSKAP BAGI KAWASAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR SEKSYEN 8, KOTA DAMANSARA, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR. | CIDB : Gred G4 Kategori B Pengkhususan B04 Dan B09, Kategori CE Pengkhususan CE01 Dan CE14, | Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM Pada : 31 Julai 2015 Hingga 13 Ogos 2015 | 20 Ogos 2015 Jam 12.00 Tengahari |
| No. Kontrak PKNS/USL/KON-1/2015 | | | |

- Keutamaan diberikan sekiranya petender/syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-
i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008)
ii) Amalan kerja yang berkaitan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007)
iii) Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004)
(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender/tawaran)
- Satu Taklimat bagi tender ini akan diadakan pada **30 Julai 2015 jam 10.00 Pagi** bertempat di **PEJABAT PENGURUSAN PROJEK KOTA DAMANSARA, JALAN PEKAKA 8/3, SEKSYEN 8, KOTA DAMANSARA, (BERSEBELAHAN HOSPITAL PUSRAWI)**. Kehadiran ke sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**.
- Bayaran **Dokumen Tawaran** adalah **RM 318.00 (Termasuk 6% GST)** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **31 Julai 2015**.
- Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL SERTA SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SERTA SURAT PENDAFTARAN GST DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA** dan satu salinan bagi setiap Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
- Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

No. Tel: 03-55201234
<http://etender.pkns.gov.my>

- Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

Rizab negeri meningkat lebih 100 peratus

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Rizab negeri atau kumpulan wang disatukan terus meningkat pada tahap RM3.654 bilion sehingga 30 Jun lalu berbanding RM1.3 bilion pada 2009.

Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman, berkata kenaikan itu melebihi 100 peratus berdasarkan peningkatan kutipan hasil negeri dalam tempoh setengah tahun.

Katanya, hasil negeri diperoleh dari urusan tanah, cukai parit dan tali air, cukai hutan, lesen dan permit, perolehan jualan barang-barang atau premium tanah dan lain-lain.

"Sehingga 30 Jun lalu, hasil negeri yang dikutip berjumlah RM1.5 bilion daripada sasaran anggaran hasil iaitu RM1.97 bilion.

"Dalam tempoh setengah tahun, Selangor mencapai 76 peratus sasaran hasil yang ditetapkan," katanya kepada Selangor Kini.

Noordin berkata, kutipan hasil tertinggi dari premium tanah yang meningkat kepada RM725 juta berbanding RM466 juta tahun lalu.

Selain itu, katanya peningkatan juga didorong faktor lain, antaranya keuntungan pelaburan melalui surplus (lebih) yang diletakkan dalam bentuk deposit di bank.

"Setakat ini, Selangor menjana RM49 juta dalam tempoh setengah tahun dan dijangka mampu menyaingi jumlah keseluruhan tahun lalu iaitu RM84 juta.

"Berbanding 2009, kita mencatat keuntungan pelaburan hanya RM20 juta sahaja. Dengan angka terbaru itu, maknanya keuntungan jadi berlipat kali ganda," katanya.

“

Setakat ini, Selangor menjana RM49 juta dalam tempoh setengah tahun dan dijangka mampu menyaingi jumlah keseluruhan tahun lalu iaitu RM84 juta

NOORDIN SULAIMAN
Pegawai Kewangan Negeri



Konsisten sejak 2009

SHAH ALAM - Peningkatan rizab Selangor berlaku secara beransur-ansur dan konsisten sejak 2009, kata Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman.

Beliau berkata, peningkatan rizab bukan disebabkan simpanan itu tidak dibelanjakan sebaliknya ia bergantung kepada dasar dan polisi negeri.

Katanya, rizab negeri atau kumpulan wang disatukan terus meningkat pada tahap RM3.654 bilion sehingga 30 Jun lalu, berbanding RM1.3 bilion pada 2009.

"Jika dilihat Belanjawan Selangor saban tahun semakin bertambah, tetapi kembali kepada dasar dan polisi negeri.

"Contohnya, untuk tujuan tukar syarat tanah, kita menilai mengikut harga pasaran dan negeri tidak memberi diskaun

bagi nilai premium itu.

"Itu salah satu sebab mengapa hasil negeri meningkat kerana dasar itu sendiri," katanya.

Noordin berkata, Selangor adalah negeri bertuah kerana menjadi tumpuan mencari pekerjaan termasuk dari kalangan rakyat luar negara.

"Tenaga kerja ini memerlukan kediaman, jadi apabila ada permintaan untuk hartanah banyak tanah berstatus pertanian ditukar kepada bangunan.

"Malah, Selangor menyumbang 25 peratus kepada ekonomi negara. Industri melihat negeri ini sebagai destinasi sesuai untuk melabur kerana banyak tenaga kerja dan infrastruktur mudah diakses hasil pembangunan ekonomi," katanya.

Perbelanjaan rizab negeri perlu patuhi prosedur

SHAH ALAM - Peningkatan rizab simpanan negeri kepada RM3.654 bilion bukan bermakna ia boleh dibelanja sewenang-wenangnya tanpa prosedur.

Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Noordin Sulaiman, berkata ia hanya boleh digunakan untuk belanjawan tahun hadapan dan perlu diluluskan di Dewan Negeri Selangor (DNS).

"Orang bertanya kenapa tidak digunakan deposit ini untuk program? Dalam sistem belanjawan, sebarang peruntukan untuk tahun ini perlu diluluskan DNS ta-

hun sebelumnya.

"Rizab akan dimanfaatkan tahun depan. Kita sudah rangka beberapa program baru selain memperkukuh program sedia ada dari segi peruntukan," katanya kepada Selangor Kini.

Rizab negeri meningkat kepada RM3.654 bilion sehingga 30 Jun lalu berbanding RM1.3 bilion pada 2009 iaitu kenaikan melebihi 100 peratus berbanding 2009.

Peningkatan kutipan hasil negeri itu dibuat dalam tempoh setengah tahun dengan hasil tertinggi dari premium tanah.



PELABURAN JAN - MAC 2015

| Negeri | No. | Pelaburan Dalam Negeri | Pelaburan Luar Negara | Jumlah Keseluruhan |
|-----------------|-----|------------------------|-----------------------|--------------------|
| Johor | 39 | 25,275,221,220 | 641,634,704 | 25,916,855,924 |
| P.Pinang | 39 | 381,302,814 | 2,517,854,682 | 2,899,157,496 |
| Selangor | 62 | 797,219,228 | 1,153,291,168 | 1,950,510,396 |
| Kedah | 19 | 154,262,619 | 811,508,875 | 965,771,494 |
| Melaka | 5 | 70,320,788 | 533,182,252 | 603,503,040 |
| Sarawak | 3 | 549,675,800 | 6,556,200 | 556,232,000 |
| Pahang | 2 | 173,921,200 | 208,861,800 | 382,783,000 |
| Perak | 6 | 171,545,573 | 20,088,455 | 191,634,028 |
| Negeri Sembilan | 9 | 116,713,091 | 18,411,479 | 135,124,570 |
| Sabah | 3 | 54,227,246 | 500,000 | 59,227,246 |

Pelaburan hampir RM2 bilion sehingga Mac

SHAH ALAM - Selangor mencatatkan pelaburan hampir RM2 billion bagi pelaburan domestik dan luar negara setakat Mac tahun ini.

Menurut laman sesawang rasmi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), 62 projek pelaburan dijalankan di Selangor dalam tempoh berkenaan.

Pelaburan luar negara mencatatkan kemasukan sehingga RM1.1 bilion, sementara pelaburan domestik pula RM800 juta.

Pada 2014, Selangor merekodkan jumlah keseluruhan pelaburan keseluruhan RM7 bilion apabila pelaburan domestik mencatatkan RM3.8 bilion, sementara luar ne-

gara pula RM3.2 bilion.

Johor kekal mencatatkan pelaburan tertinggi iaitu RM21 bilion sepanjang tahun lalu diikuti Pulau Pinang dengan RM8 bilion.

Sehingga Mac lalu, Johor masih di hadapan dengan RM25.9 bilion, manakala Pulau Pinang pula RM2.8 bilion.

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menawarkan perkhidmatan E-Perkhidmatan bagi membolehkan orang ramai membuat semakan cukai taksiran.

Yang Dipertuanya, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, orang ramai boleh menjelaskan tunggakan cukai dan cukai taksiran semasa bagi penggal kedua 2015 yang dihantar sejak awal bulan.

"Ia bagi memberi kesedaran mengenai tanggungjawab menjelaskan cukai taksiran dalam memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan perbandaran

Semak cukai melalui e-perkhidmatan

kepada masyarakat.

"Jika gagal membayar tunggakan cukai taksiran, tindakan boleh diambil dan waran tangkap dikeluarkan selain menyita harta pemilik," katanya pada ke-

nyataan media.

Mohd Azhar berkata, bayaran juga boleh dibuat di kaunter Jabatan Perbendaharaan (Tingkat 1), Ibu Pejabat MDKL pada atau sebelum 31 Ogos 2015.

Katanya, MDKL juga menyediakan kaunter bergerak di Taman Banting Baru pada Isnin, Taman Perwira (Selasa), Taman Sri Rambai (Rabu) dan beberapa kawasan lain.



Penguatkuasa MPK bantu waris ziarah kubur pagi raya



SHAH ALAM - Bekerja ketika orang lain sedang menyambut Aidilfitri bersama keluarga dan sanak saudara tentu menyediakan bagi petugas di beberapa agensi dan jabatan.

Walaupun berpeluang bercuti beberapa hari selepas Aidilfitri, namun keadaannya sama sekali tidak akan sama dengan suasana beraya pada raya pertama.

Tidak ketinggalan penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang ditugaskan membawa waris dan keluarga menziarahi tanah perkuburan di Kampung Delek, Klang.

Pengarah Penguatkuasa MPK, Andry Arman Masrom memuji tugas murni beberapa anggota yang ditugaskan pada hari raya pertama itu.

Katanya, tahun ini adalah kali kedua inisiatif membawa waris ke tapak perkuburan itu dilakukan.

Beliau berkata, ia bertujuan untuk mengawal lalu lintas selain memudahkan waris ke tanah perkuburan.

"Kita menyediakan dua buah van. Kita mahu waris atau keluarga meninggalkan kenderaan di luar tapak perkuburan.

"Tugas ini memudahkan orang

awam yang ingin menziarahi kubur waris tanpa perlu membawa kenderaan di dalam kawasan perkuburan.

"Jika tidak, ia akan sibuk dengan kenderaan. Malah, mungkin juga tidak khusyuk berdoa kerana gangguan dari kenderaan lain," katanya kepada Selangor Kini.

Andry berkata, lima anggota penguatkuasa akan bertugas bermula jam 6 pagi hingga 2 petang untuk membawa waris.

Katanya, penguatkuasa yang bertugas juga dapat membantu orang kurang upaya dan warga emas.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

| Pejabat yang Memanggil Tender | Tajuk Projek | Taraf/Jenis Syarikat * | Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala | Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup |
|---|---|---|--|---|---|---|
| Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor | MEMBINA, MENYIAPKAN, MENGUJI DAN MENTAULIAH SEBUAH REBAN AYAM DUA (2) TINGKAT SISTEM TERTUTUP DI TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) SEPINTAS DAERAH SABAK BERNAM JPVSEL(S)400/70/1 | Bumiputera Berdaftar di Negeri Selangor | CIDB, SPKK & PKK Gred : G3 Kategori: B Pengkhususan : B04 | Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor 3/08/2015 (Isnin) Sehingga 10/08/2015 (Selasa) | RM50.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Bendahari Negeri Selangor | Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor Lot 2, Jalan Utas 15/7 Seksyen 15, 40630 Shah Alam Selangor Pada: 11/08/2015 |

Lawatan tapak pada 28/07/2015. Sebarang Pertanyaan hubungi Urusetia Sebutharga, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor No Tel 03-55103900

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan semasa waktu pejabat

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank / kiriman wang/wang pos di atas nama **Bendahari Negeri Selangor**. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk Maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan / Sijil ASAL

(i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan,

(ii) Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (jika berkenaan) beserta satu Salinan sijil-sijil tersebut.

Bagi kontraktor yang berdaftar dengan wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan / Sijil ASAL Sijil Taraf Bumiputera

5,000 hadir rumah terbuka Aidilfitri MBSA

SHAH ALAM - Lebih 5,000 hadirin memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang berlangsung di perkarangan Stadium Shah Alam di sini.

Majlis turut diserikan kehadiran Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang diiringi Datuk Bandar, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Timbalan Pengarah Korporat, Shahrin Ahmad berkata, majlis kali ini mengetengahkan konsep hijau.

"Antaranya kita menggunakan peralatan seperti mangkuk, pinggan dan sudu daripada plastik dan kertas serta bukan daripada bahan berunsurkan polisterin.

"Perhiasan khemah juga daripada bahan kitar semula selain penyediaan tong-tong kitar semula di sini," katanya pada sambutan itu pada 28 Julai.

Tetamu kehormat dan orang ramai turut dihiburkan dengan artis tersohor tanah air, Jamal Abdillah yang mendendangkan tiga buah lagu.

Terdapat lebih 15 buah gerai dengan pelbagai juadah dan buah-buahan tempatan disediakan ter-

Majlis kali ini mengetengahkan konsep hijau. Antaranya menggunakan peralatan seperti mangkuk, pinggan dan sudu daripada plastik dan kertas serta bukan daripada bahan berunsurkan polisterin

masuk sate, ayam golek, rendang, ketupat dan sebagainya.

Pada masa sama, Ahmad Zaharin turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada 100 anak-anak yatim.

Mereka merupakan penghuni di Pusat Jagaan Cahaya Kasih Bisitari, Kampung Melayu Subang dan Pusat Pengurusan Al-Firdaus, Denai Alam.

Setiap rumah anak yatim turut menerima sumbangan RM2,000 masing-masing serta tong kitar semula.

OLEH NAEEM RAFFI

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) berhasrat membuka Pusat Biomass Bersepadu kedua bagi menjayakan lagi usaha pembangunan Bandar Hijau.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata inisiatif itu diambil selepas kejayaan Pusat Biomass Bersepadu di Bukit Puchong yang ditubuhkan sejak 2012.

"Kali ini lebih besar membabitkan tanah lebih tiga ekar terletak di bekas kolam tadahan air, Bandar Putra Permai.

"Ia dijangka dibangunkan penghujung tahun ini atau awal tahun hadapan dengan kos pembangunan sekitar RM500,000," katanya kepada Selangor Kini dalam satu temubual eksklusif di pejabatnya, baru-baru ini.

Sebelum ini, MPSJ memilih Serdang sebagai pilot projek bagi membangunkan Bandar Biomass pada 2012 melalui Pelan Tindakan Bandar Hijau 2030.

Program Bandar Biomass diwujudkan bagi mengurangkan penajanaan pelupusan sisa domestik dengan memanfaatkan sisa organik menggunakan kaedah biomass.

Pelaksanaannya memberi fokus kepada sembilan bidang utama membabitkan khidmat komuniti, alam sekitar, kejuruter-

MPSJ komited perluas Pusat Biomass



Nor Hisham

aan, bandaraya hijau, sumber maklumat, bandar selamat, pembangunan modal insan, perkhidmatan perbandaran dan pengindahan persekitaran.

"MPSJ berhasrat menjadi PBT peneraju Bandar Hijau memandangkan Malaysia menghasilkan 60 peratus bahan buangan dari bio-organik,

"Inisiatif ini selaras dengan dengan tema 'Vibrant City' untuk menjadikan MPSJ sebagai perbandaran mampan," katanya.

Nor Hisham berkata, Pusat

Biomass Bersepadu MPSJ di Bukit Puchong berjaya menghasilkan produk hijau melalui pengenalan dua konsep 'waste-to wealth' dan 'waste-to-energy'.

Katanya, pusat itu berjaya memproses 50.44 tan sisa organik melalui konsep 'waste-to wealth'

merangkumi 34.65 tan sisa kebun, 7.22 tan kaun kering, 8.57 tan sisa makanan sepanjang 2014.

"Konsep 'waste-to wealth' ternyata mendatangkan manfaat apabila MPSJ berjaya menghasilkan pelbagai variasi produk kompos dan menjualnya pada harga

berpatutan kepada penduduk sekitar.

"Bagi konsep 'waste-to-energy' pula, sisa organik mampu diubah menjadi gas methane berkeupayaan mengerakkan jentera dan seterusnya menghasilkan tenaga," katanya.

JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

| Pejabat yang Memanggil Tender | Tajuk Projek | Taraf/Jenis Syarikat* | Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala | Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup |
|--|---|-----------------------|--|---|---|--|
| Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor | CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID TUN TEJA, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN JKR/SEL/ (N)030(T)/2015 | Bumiputera T1 | CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G6 Kategori : B Pengkhususan: B04 | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 03/06/2015 (ISNIN) Sehingga 17/08/2015 (ISNIN) | RM650.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 25/08/2015 (SELASA) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari |

| Pejabat yang Memanggil Tender | Tajuk Projek | Taraf/Jenis Syarikat* | Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala | Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup |
|--|--|-----------------------|--|---|---|---|
| Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor | KERJA-KERJA OPERASI DAN PENYELENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF DI KOMPLEKS MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH DAN KUARTERS KAKITANGAN, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN (3 TAHUN) JKR/SEL/ (N)032(T)/2015 | Bumiputera T1 | CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred: G6 Kategori : B/CE/E/M Pengkhususan: B24/ CE32/ E11/ M20 | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 30/07/2015 (Khamis) Sehingga 12/08/2015 (Rabu) | RM450.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 19/08/2015 (Rabu) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari. |

Lawatan Tapak **Digalakkan**. Sebarang pertanyaan hubungi Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor. No. Tel: 03-55447755

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

Tempatan:

A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Hentian Bas Subang Parade dinaik taraf

SUBANG - Hentian Bas Subang Parade diberi nafas baru bagi menjamin keselamatan dan kesesuaian pengguna menerusi peruntukan Pejabat Adun.

Adunnya, Hannah Yeoh berkata pihaknya mengambil ketetapan membaikpulih hentian itu berikutan keadaannya yang teruk selain berisiko dihempap pokok yang mereput.

"Hentian ini teruk tidak terurus sehingga air hujan membasahi kawasan menunggu kerana bumbungnya berlubang selain catnya lusuh serta pokok di bahagian belakang hentian yang mereput dikhuatiri mendatangkan masalah apabila hujan.

"Peruntukan datang dari Kerajaan Negeri sebagai peruntukan Adun bagi tujuan penganjuran program atau infrastruktur.

"Jadi, kita belanjakannya untuk membaikpulih hentian dengan membina bumbung baru, cat semula, potong pokok dan memasang lampu untuk pencahayaan lebih terang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau hasil kerja membaikpulih hentian bas Subang Parade yang turut dihadiri Ketua Pegawai Operasi Subang Parade, Nubly Zainuham, di sini.

Hentian Bas Subang Parade merupakan hentian kedua yang diberi nafas baru di DUN Subang Jaya setelah hentian bas SS19 berhadapan Pangsapuri SS19/7 yang siap sepenuhnya pada Jun lalu.

Hannah berkata, kerja pembaikan yang memakan masa dua minggu itu melibatkan kos sejumlah RM19,950 dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan kontraktor ZYFCO Enterprise.

"Bagi penyelenggaraan dan bekalan elektrik pula, ia akan ditanggung sepenuhnya oleh MPSJ.

"Saya juga memohon kerjasama daripada pengurusan Subang Parade untuk memantau keadaan hentian berkenaan daripada aktiviti vandalisme," katanya.

Program belia

Empat daerah terima RM150,000

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM150 ribu setiap daerah bagi penubuhan Program Inkubator Usahawan Belia Ehsan Selangor dengan kerjasama Kolej Antarabangsa INPENS.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Ahmad Yunus Hairi, berkata program itu akan dijalankan

di empat daerah dengan setiap daerah diperuntukan RM150 ribu.

"Tumpuan utama adalah untuk menjadi pusat latihan kepada pelajar lepasan INPENS memulakan kerjaya sebagai usahawan dari kemahiran yang dipelajari.

"Antara pengkhususan bidang yang ditawarkan seperti permotoran, elektrik, jahitan, kecantikan membabitkan rawatan muka juga kesihatan," katanya sewaktu dihubungi Selangor Kini, pada

16 Julai lalu.

Yunus berkata, program itu dijangka bakal dilaksanakan pada Oktober atau selewat-lewatnya Disember ini.

"Kini, masih dalam proses pemilihan pelajar, tenaga pengajar dan mengenal pasti kawasan sesuai untuk program itu.

"Kita berharap dapat mendidik belia menjadi seorang usahawan yang berjaya, berdikari dan berintegriti melalui program itu," katanya.

“

Kita berharap dapat mendidik belia menjadi seorang usahawan yang berjaya

AHMAD YUNUS
Exco Pembangunan Desa



UNISEL serah gratuiti kepada dua bekas kakitangan



Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad bersama ketua-ketua jabatan melawat Mohd Azreen Herman dikediamannya

SHAH ALAM - Dua bekas kakitangan Universiti Selangor (UNISEL) menerima cek gratuiti selepas terpaksa bersara awal ekoran faktor kesihatan tidak mengizinkan.

Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Anuar Ahmad, berkata pemberian gratuiti itu sebagai penghargaan selain meringankan beban dihadapi mereka.

"Kita sentiasa cakna kepada kebajikan kakitangan dan gratuiti ini adalah penghargaan atas khidmat bakti mereka selama berkhidmat di UNISEL," katanya.

Dua kakitangan itu adalah Mohd Azreen Herman, 36, dan Saimah Mokhtar, 56, yang masing-masing berhenti berkhidmat pada Mac dan April lalu atas fak-

tor kesihatan.

Selangor Kini difahamkan Mohd Azreen sudah berkhidmat hampir lapan tahun, manakala Saimah 10 tahun.

Mohd Azreen kini masih terlantar sakit di rumahnya apabila dimasukkan ke hospital tahun lalu akibat ruptured cerebral aneurysm.

Bagaimanapun, keadaannya kini beransur pulih dan menunjukkan peningkatan selepas setahun menerima rawatan.

"Ini dapat dilihat apabila dia kini sudah mampu memberi respon apabila ditegur.

"Azreen juga kini sudah mula dapat mengecam ahli keluarga dan rakan-rakannya," katanya.

6th University Scholars Leadership Symposium 2015

Tiga pelajar UNISEL berlepas ke Hong Kong

SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) komited memperkasa potensi pelajarannya melalui pelbagai program pendidikan termasuk di luar negara.

Naib Canselornya, Prof Dr Anuar Ahmad, berkata usaha itu diambil bagi melahirkan modal insan berkualiti, di samping membantu meningkatkan kedudukan sistem pendidikan negara yang kini berada di tangga tercorot.

"Ada yang tidak kena dengan sistem pendidikan negara, bermula dari pra-sekolah hingga ke universiti

"Ranking pendidikan kita bukannya baik sangat, bahkan berada di kedudukan 52 daripada 65 negara serta menduduki tangga kedua tercorot di Asia Tenggara termasuk di belakang Vietnam dan Thailand," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelepasan Wakil Pelajar UNISEL menyertai 6th University Scholars Leadership Symposium 2015 yang bakal diadakan Hong Kong Polytechnic University.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof Dr Shaharuddin Badaruddin yang juga ketua delegasi simposium itu.

Tiga wakil pelajar yang terpilih adalah Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP), Mohamad Alif Zaki Ali; Naib YDP MPP, Mohamad Faiz Madon dan Setiausaha Agung MPP, Nur Izaati Haziqah Alias.



Mohamad Faiz Madon (kiri), Nur Izaati dan Mohamad Alif Zaki Ali

Semua mereka mendapat tajaan RM10,000 dari Kerajaan Selangor dan UNISEL RM4,000.

UNISEL adalah antara 10 Institut Pengajian Tinggi (IPT) tanah air yang akan menyertai simposium yang akan memberi fokus dan mengupas isu globalisasi, kemanusiaan, ketelusan kerajaan serta alam sekitar, bermula 1 hingga 7 Ogos ini.

Sementara itu, Shaharuddin berkata, penyertaan pelajar ke acara itu selaras dengan hasrat Kerajaan Selangor yang ingin mendedahkan golongan itu de-

ngan dunia yang lebih luas.

"Hong Kong Polytechnic University antara 10 universiti terbaik di Asia. Kesempatan berada di sana membolehkan pelajar menimba pengalaman dan ilmu berguna untuk dikongsi dan memberi manfaat kepada UNISEL serta rakan mereka yang lain.

"Program seumpama ini mampu membawa kita keluar dari kepompong sistem pendidikan sedia ada dengan melihat sistem lebih baik dari negara luar," katanya.

Coklat Cocoa IQ Nurena makanan berkhasiat

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Kebanjiran makanan ringan tidak berkhasiat di pasaran membuahkan ilham kepada Aznurrena Che Wan menghasilkan coklat minda Cocoa IQ jenama Nurena berasaskan makanan sunnah.

Produk berkualiti itu nyata mendapat sambutan baik apabila diperkenalkan di pasaran kira-kira lima bulan lalu.

Dalam masa singkat, coklat keluaran syarikat Nurena IQ Cocoa mencuri tumpuan dan permintaan terus meningkat termasuk bilangan pelanggan.

Aznurrena, 31, selaku Pengasas Nurena IQ Cocoa ber-



bangga dengan pencapaian itu dan sekali gus memberi semangat untuknya berusaha lebih gigih dalam bidang berkenaan.

"Produk ini mendapat sambutan baik dalam kalangan orang ramai terutama di sekolah. Ia dipasarkan di 18 sekolah rendah dan menengah sekitar Shah Alam dan USJ.

"Pelajar menyukainya kerana rasa coklat yang sedap dan sihat selain disokong dengan harga patut serendah RM1.20 dan RM1.50," kata anak muda lulusan Diploma Kewartawanan Integratif dari universiti tempatan itu.

Beliau berkata, kejayaan itu juga membuka ruang bagi produk keluaran syarikatnya untuk mendapat tempahan dan dijual di lot kedai kesihatan di sebuah pasaraya pukal terkenal di Shah Alam.

Katanya, syarikatnya dalam proses mengadakan premis bagi mendapatkan pengesahan sijil halal, Proses Pembuatan Islam (IMP) dan Kemente-

rian Kesihatan Malaysia (KKM) selain meluaskan pasaran di pasaraya besar.

"Coklat minda Cocoa IQ Nurena adalah makanan sunnah mengandungi ekstrak kurma, kismis, buah tin, delima, za'faran, minyak habatusauda, minyak zaitun, madu dan kurma nabi (ajwa) yang dicincang serta dilimpahi kacang badam kisar.

"Ia dihasilkan bagi mengatasi masalah lambakan makanan ringan tidak berkhasiat di pasaran yang banyak memberi kesan tidak baik kepada kesihatan dan otak kanak-kanak,"

katanya.

Nurena IQ Cocoa berpangkalan di Shah Alam meletakkan 5K sebagai prinsip dalam perniagaan iaitu kejujuran, kebijaksanaan, keberanian, keyakinan dan keikhlasan.

Aznurrena berkata, kejujuran penting dalam penghasilan produk di samping kebijaksanaan iaitu usahawan perlu menjadi pemikir di luar kebiasaan bagi menghadapi cabaran dalam perniagaan.

"Usahawan juga perlu memiliki keberanian untuk bertindak dan keyakinan supaya produk dihasilkan dengan ilmu penge-

tahuan luas.

"Antara faktor penting dalam menjalankan perniagaan adalah keikhlasan supaya beroleh kejayaan," katanya.

Katanya, syarikat merancang mengeluarkan pakej bungkus baharu bagi golongan dewasa serta pelbagai produk lain.

Syarikat itu juga mengalu-alukan penyertaan mereka yang berminat menjadi pengedar dengan menghubungi e-mel coklatmindanurena@yahoo.com selain facebook dan instagram coklat minda nurena atau talian 010-7915901.

LZS bantu ibu tunggal OKU sejak 2008

SHAH ALAM - Kisah ibu tunggal kurang upaya (OKU) yang menjadi viral di laman sosial, baru-baru ini sudah mendapat perhatian Lembaga Zakat Selangor (LZS) sejak 2008.

LZS melalui kenyataan di Facebook, berkata Noridawati Husin, 31, masih menerima beberapa jenis bantuan daripada lembaga itu sehingga kini.

"Antara bantuan zakat yang disalurkan adalah makanan, kewangan bulanan, bantuan sewa rumah, modal perniagaan, perubatan untuk kaki palsu dan kos rawatan," katanya.

Noridawati kehilangan kaki kanan akibat kemalangan ketika berusia 12 tahun dan menanggung tiga anaknya yang masih bersekolah.

Dia menyara keluarga dengan menjalankan perniagaan teh herba dan kopi dari rumah ke rumah serta menawarkan kerja sambilan seperti membersihkan rumah.

Lebih menyedihkan, anak bongsunya disahkan menghidap penyakit jantung sejak kecil dan memerlukan RM60,000 untuk pembedahan.

Bagi meringankan beban Noridawati, LZS turut menawarkan bantuan zakat bagi menampung kos menggantikan injap palsu bagi anaknya.

Orang ramai yang ingin menderma boleh berbuat demikian melalui akaun CIMB 14260013716525 atau Maybank 112308004966 atau menghubungi Noridawat di talian 017-6774046.



PKNS

**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)**

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada syarikat / perseorangan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) bagi **Membekal Kenderaan** seperti butiran di bawah :-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | SYARAT PENDAFTARAN | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH TENDER DITUTUP |
|---|--|---|--|
| <p>Tajuk Projek: MEMBEKAL EMPAT (4) UNIT NISSAN X-TRAIL 2.0L DAN EMPAT (4) UNIT NISSAN X-TRAIL 2.5L UNTUK PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR, TINGKAT 2-9, MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK, NO.7, PERSIARAN SUKAN, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.</p> <p>No. Kontrak PKNS/IP/BPA/KON-01/2015</p> | <p>BERDAFTAR KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)</p> <p>Di Bawah Kod Bidang 110103</p> | <p>Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM</p> <p>Pada : 04 Ogos 2015 Hingga 19 Ogos 2015</p> | <p>26 Ogos 2015</p> <p>Jam 12.00 Tengahari</p> |

- Bayaran Dokumen Tawaran adalah **RM 53.00 (Termasuk 6% GST)** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **05 Ogos 2015**.
- Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada syarikat / perseorangan yang sah sahaja. Sekiranya ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Wakil dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM), SERTA SURAT PENDAFTARAN GST DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA** dan satu salinan bagi setiap Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
- Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-55201234**

- Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

<http://etender.pkns.gov.my>

Bertemu MAIS leri kekeliruan saudara baru

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dilihat sebagai sebuah badan yang sentiasa mengamalkan sistem mengutamakan pelanggan.

Pengerusi Hidayah Centre Selangor, Wan Ahmad Nizar Zakaria, berkata pihaknya percaya MAIS juga sentiasa bersedia menerima teguran melalui saluran yang betul.

Katanya, pihak yang mempunyai sebarang masalah berhubung urusan saudara baru boleh menghubungi MAIS secara baik bagi menguraikannya.

"Sepanjang pengalaman kami bekerjasama dengan MAIS, mereka memberikan khidmat

sokongan yang baik untuk saudara baru (muafaf) khususnya di Selangor.

"MAIS menyediakan Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) yang dikendalikan ustaz yang berpengalaman," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau merujuk kepada Mikhael Iskandar di KiniTV berkenaan rungutan bahawa golongan muafaf tidak mendapat layanan sewajarnya daripada MAIS.

Mengulas lanjut, Wan Ahmad berkata, pihaknya bersedia menjadi perantara bagi memastikan keperluan saudara baru dapat dipenuhi.

"Kami menggesa Mikhael bersemuka dengan pegawai tertinggi MAIS untuk mendapat penjelasan berkenaan kesulitan dan kemusykilan saudara baru yang masih perlukan penyelesaian.

"Apa jua permasalahan diharapkan dapat diselesaikan dalam suasana mahabbah (kasih sayang) demi menjaga nama baik pihak yang bertanggung jawab dan golongan saudara baru sendiri," katanya.

Jumlah keseluruhan muafaf di Selangor adalah 33,507 dari 2010 hingga April 2015 lalu dan terdapat seramai 9972 muafaf berdaftar.

Pegawai LZS giat cari asnaf

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Dakwaan pegawai zakat hanya makan gaji buta yang tersebar di media sosial, tidak tepat sekurang-kurangnya kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Ia berikutan LZS sudah menuh Skwad Jejak Kemiskinan yang sejak tujuh tahun lalu giat membuat banciaan bagi mengenal pasti asnaf fakir dan miskin di Selangor.

Mengikuti kenyataan di Facebook rasmi, skuad itu bekerjasama dengan jawatankuasa penduduk dan menggunakan media sosial bagi mencari asnaf di kampung mahupun bandar.

LZS juga menghebah lokasi turun padang skuad berkenaan setiap kali banciaan dibuat menerusi laman sosial mereka.

"Hampir 42,000 keluarga asnaf fakir dan miskin mendapat bantuan LZS sehingga RM1,000 sebulan bergantung kepada tanggungan.

"Persekolahan anak juga dibantu bermula pra-sekolah hingga peringkat universiti, antaranya yuran pengajian, bantuan komputer riba dan sebagainya," katanya.

Ia sebagai maklum balas terhadap keraguan agihan zakat yang menjadi viral di Facebook.

LZS turut memiliki kaunter ekspres yang menyediakan bantuan RM500 dengan tempoh kelulusan 45 minit melalui satu borang

Dakwaan dibuat pengguna Facebook, Saff Rainz yang mengatakan kakitangan di pusat zakat hanya makan gaji tanpa mencari asnaf.

Meskipun tidak menyebut pengurusan zakat negeri secara khusus, LZS berasa bertanggungjawab memberi penjelasan.

Kenyataan itu juga menyebut, LZS turut memiliki kaunter ekspres yang menyediakan bantuan RM500 dengan tempoh kelulusan 45 minit melalui satu borang.

"Sebagai organisasi bertanggungjawab mengurus zakat di Selangor, kami berusaha memberi yang terbaik dalam pengagihan zakat," katanya.

LZS juga menyediakan Talian Khidmat Pelanggan bebas tol 1-800-88-5353 bagi melapor sebarang maklumat berkaitan asnaf.

Bantuan pendidikan hingga RM30,000

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus menyalurkan bantuan kepada golongan asnaf yang sedang dalam usaha menajana pendapatan sendiri sehingga mampu berdikari sepenuhnya.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Hussin Mohd Ali, berkata bantuan itu termasuk sewa rumah, kewangan minimum RM250 dan pendidikan yang boleh menjangkau sehingga RM2,000 sebulan.

"Kita mahu lengkapkan eksekutif zakat supaya dapat menyelami asnaf yang mempunyai pelbagai masalah. Contohnya, mereka tidak tahu ada bantuan untuk anak yang bersekolah.

"Pendekatan LZS sekarang adalah lebih menyelesaikan masalah berbanding memenuhi kehendak

mereka sepenuhnya," katanya kepada Selangor Kini.

Menyentuh bantuan pendidikan bagi pengajian tinggi khususnya, Hussin berkata, pelajar asnaf akan dibantu secara keseluruhan sebaik sahaja mereka menerima tawaran pengajian.

Katanya, bantuan pendidikan itu antara RM20,000 hingga RM30,000 bagi mereka yang akan melanjutkan pengajian di dalam dan luar negara.

"Untuk pendidikan pengajian tinggi, duit buku kita bayar, manakala yuran pengajian termasuk duit poket akan dibiaya tanpa perlu bayaran balik.

"Melalui bantuan ini, ada anak asnaf yang berjaya keluar dari kemiskinan dengan bantuan zakat," katanya.



**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)**

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta sudah membuat pendaftaran GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | SYARAT PENDAFTARAN | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH TENDER DITUTUP |
|--|---|---|--|
| <p>Tajuk Projek: CADANGAN PAPAN TANDA DAN LANDSKAP PINTU MASUK UTAMA ANTARA GAPI DI PERSIMPANGAN JALAN PERSIARAN GAPI SATU ANTARA GAPI, BANDAR SUNGAI CHIK, MUKIM HULU YAM, DAERAH HULU SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.</p> <p>No. Kontrak PKNS/USL/KON-2/2015</p> | <p>CIDB : Gred G4</p> <p>Kategori B Pengkhususan B09,</p> <p>Kategori CE Pengkhususan CE01 Dan CE14,</p> | <p>Bahagian Perolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM</p> <p>Pada : 04 Ogos 2015 Hingga 18 Ogos 2015</p> | <p>25 Ogos 2015</p> <p>Jam 12.00 Tengahari</p> |

1. Keutamaan diberikan sekiranya petender/syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-

- i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008)
- ii) Amalan kerja yang berkaitan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007)
- iii) Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender/tawaran)

2. Satu Taklimat bagi tender ini akan diadakan pada **31 Julai 2015 jam 10.00 Pagi** bertempat di **PEJABAT JUALAN ANTARA GAPI**. Kehadiran ke sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**.

3. Bayaran **Dokumen Tawaran** adalah **RM 270.00 (Termasuk 6% GST)** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank atau Kiriman Wang** di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

4. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **04 Ogos 2015**.

5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL SERTA SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SERTA SURAT PENDAFTARAN GST DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA** dan satu salinan bagi setiap Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,
NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

**No. Tel: 03-55201234
http://etender.pkns.gov.my**

7. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

Perlawanan Pertunjukan Liverpool - Malaysia

Hanya untungkan syarikat swasta

SHAH ALAM - Keputusan Selangor tidak membenarkan pemainnya mewakili pasukan kebangsaan menghadapi perlawanan persahabatan menentang Liverpool pada 24 Julai lalu kerana dilihat tidak membantu perkembangan bola sepak negara.

Exco Sukan, Amirudin Shari,

berkata Selangor lebih berminat memberi tumpuan terhadap persiapan pasukan bagi menghadapi saingan Liga Super.

"Keputusan tidak melepaskan pemain Selangor mewakili Malaysia XI menentang Liverpool kerana panggilan FAM bukan semboyan bola sepak tanahair yang boleh mengembalikan

kegemilangan dan maruah bola sepak Malaysia.

"Malah, kita menghantar beberapa pemain Selangor menentang Tottenham Hotspur dan mendapati tiada sebarang manfaat kepada pembangunan bola sepak Malaysia," katanya dalam status Instagram.

Pengurus Red Giants itu ber-

kata, perlawanan berkenaan adalah kelolaan syarikat swasta dengan sejumlah wang dibayar kepada Liverpool FC.

"Mengapa kita perlu dahulukan kepentingan 'syarikat penganjur' daripada pembangunan bola sepak negara?"

"Perlawanan ini tiada kena-mengena dengan ranking FIFA.

Kami akan menghantar pemain mewakili negara jika ia penting dan demi menjaga maruah bola sepak negara," katanya.

Katanya, Selangor mahu memperbetulkan persepsi dalam kalangan masyarakat iaitu bola sepak bukan 'alat dagangan' yang boleh dibeli dengan wang ringgit.

Exco: Kesukeb prihatin jasa wira terkorban

SHAH ALAM - Kesungguhan Kelab Sukan dan Kebajikan Selangor Kini (KESUKEB) membantu isteri wira negara yang terkorban semasa menjalankan tugas perlu dijadikan contoh.

Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi berkata, ini berikutan pengorbanan golongan itu menjaga keamanan dan kedaulatan negara wajar terus dihargai.

"Tahniah kepada team KESUKEB yang prihatin tentang ibu tunggal yang kehilangan suami yang meninggal semasa bertugas.

"Ini kita dapat lihat KESUKEB boleh mencari, mengenalpasti nama terlibat untuk diberikan sumbangan hari raya.

"Sebenarnya banyak lagi kes



seperti ini yang sepatutnya kita sama-sama berikan sumbangan," kata Dr Daroyah.

Beliau berkata demikian pada program Penyampaian

Sumbangan Raya Kepada Isteri Allahyarham Raja Aizam Raja Mohid dan mengedarkan bubur lambuk kepada anggota polis bertugas di Balai Polis Seksyen

15, Shah Alam pada 14 Julai.

Dr Daroyah juga berharap agar KESUKEB dan Kerajaan Negeri boleh menjalin kerjasama dengan Kerajaan Negeri dengan melibatkan lebih ramai penerima.

"Kerajaan Negeri juga ada tabung wira dan kalau boleh kita berkerjasama, senaraikan nama-nama wira kita yang gugur sewaktu bertugas dan kita beri sumbangan lebih ramai. Tahniah kepada KESUKEB.

"Saya sedia bersama dan berikan menyokong usaha yang dijalankan Selangor Kini," kata Dr Daroyah lagi.

Sementara itu, Pengerusi KESUKEB, Mohd Hafizan Taib berkata, usaha menjalankan aktiviti kebajikan akan diteruskan

walaupun selepas berakhirnya bulan Ramadan nanti.

"Program seperti ini akan diteruskan lagi dengan pelbagai program lain selepas Ramadhan nanti," kata Mohd Hafizan.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan untuk mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Negeri.

Sebelum itu Dr Daroyah Alwi menyampaikan sumbangan hari raya KESUKEB kepada Norsalmah Nordin, isteri Allahyarham Koperal Raja Aizam Raja Mohid yang terkorban selepas bergelut dengan sekumpulan penjenayah warga asing di Taman Sentosa Klang pada 4 Mac 2014 lalu.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri dan empat anak.

MBSA anjur kejohanan futsal Piala Datuk Bandar



SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa menyertai kejohanan futsal Piala Datuk Bandar Shah Alam 2014 kali ke-10 pada 1 dan 2 Ogos 2015.

Timbalan Pengarah Korporat Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata kejohanan itu menawarkan habuan RM17,200 bagi empat kategori.

Kategori itu ialah Lelaki Terbuka, Wanita Terbuka, bawah 18 tahun dan bawah 12 tahun yang bakal berlangsung di Frenzy Sport Arena, Seksyen 16 di sini.

Johan kategori Lelaki Terbuka akan menerima RM3,000 serta piala iringan, tempat kedua RM2,500 dan ketiga RM1,000.

Bagi kategori Wanita Terbuka pula, johan akan menerima RM2,500, piala iringan, tempat kedua RM2,000 dan ketiga RM 500.

Manakala Kategori bawah 18

tahun, johan akan memenangi RM2,000 serta piala iringan, tempat kedua RM 1,500 dan ketiga RM500.

Untuk kategori bawah 12 tahun, johan akan membawa pulang RM1,000 serta piala iringan, tempat kedua RM800 dan ketiga RM200.

Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia dan terhad kepada 32 pasukan terawal bagi setiap kategori.

Setiap pasukan hendaklah terdiri daripada 10 peserta iaitu lima pemain utama dan lima simpanan.

Mereka boleh menghantar borang penyertaan sebelum 30 Julai 2015 secara muat turun melalui www.mbsa.gov.my atau facebook Bandar Orkid.

Borang juga boleh didapati di Bahagian Belia & Sukan, Jabatan Korporat & Pembangunan Komuniti MBSA di talian 010-218 7882 (Wan) dan 019-2576897 (Azreen Naim).

| WAKTU SOLAT SELANGOR | | | | | | | |
|---|-------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| 31 JULAI - 7 OGOS 2015 | | | | | | | |
| 15 - 22 SYAWAL 1436H | | | | | | | |
| Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam | | | | | | | |
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 31 Jumaat | 5:41 | 5:51 | 7:12 | 1:22 | 4:44 | 7:30 | 8:43 |
| 01 Sabtu | 5:41 | 5:51 | 7:12 | 1:22 | 4:44 | 7:30 | 8:43 |
| 02 Ahad | 5:42 | 5:52 | 7:12 | 1:22 | 4:43 | 7:30 | 8:42 |
| 03 Isnin | 5:42 | 5:52 | 7:12 | 1:22 | 4:43 | 7:29 | 8:42 |
| 04 Selasa | 5:42 | 5:52 | 7:12 | 1:22 | 4:42 | 7:29 | 8:42 |
| 05 Rabu | 5:42 | 5:52 | 7:12 | 1:22 | 4:42 | 7:29 | 8:41 |
| 06 Khamis | 5:42 | 5:52 | 7:12 | 1:22 | 4:42 | 7:29 | 8:41 |
| 07 Jumaat | 5:42 | 5:52 | 7:12 | 1:22 | 4:41 | 7:29 | 8:41 |
| Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat | | | | | | | |
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 31 Jumaat | 5:43 | 5:53 | 7:14 | 1:24 | 4:46 | 7:32 | 8:45 |
| 01 Sabtu | 5:43 | 5:53 | 7:14 | 1:24 | 4:46 | 7:32 | 8:45 |
| 02 Ahad | 5:44 | 5:54 | 7:14 | 1:24 | 4:45 | 7:32 | 8:44 |
| 03 Isnin | 5:44 | 5:54 | 7:14 | 1:24 | 4:45 | 7:31 | 8:44 |
| 04 Selasa | 5:44 | 5:54 | 7:14 | 1:24 | 4:44 | 7:31 | 8:44 |
| 05 Rabu | 5:44 | 5:54 | 7:14 | 1:24 | 4:44 | 7:31 | 8:43 |
| 06 Khamis | 5:44 | 5:54 | 7:14 | 1:24 | 4:44 | 7:31 | 8:43 |
| 07 Jumaat | 5:44 | 5:54 | 7:14 | 1:24 | 4:43 | 7:31 | 8:43 |



Gambar oleh Shuaib Ayob

LINCAH...

Aksi tangkas para pemain bola jaring Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor dalam mempersiapkan diri bagi menghadapi Kejohanan Sukan JKR Se-Malaysia. Misi mereka untuk menebus kekalahan mereka pada kejohanan 4 tahun lalu bakal menjadi pembakar semangat untuk mereka terus berjuang sehingga bergelar juara.

Paragliding Bukit Jugra

Bertaraf antarabangsa

OLEH NAEEM RAFFI

BANTING - Pusat Paragliding Bukit Jugra antara kemudahan sukan yang tersenarai untuk dinaik taraf dalam perancangan jangka panjang, kata Exco Sukan, Amirudin Shari.

Katanya, sukan lasak itu berpotensi besar untuk dibangunkan memandangkan ia pernah dipertandingkan dalam kejohanan Sukan Asia Tenggara (SEA) di Indonesia, 2011 lalu.

"Sudah sampai masanya, Kerajaan Negeri meneliti semula dalam perancangan tahun depan untuk menambatkan kemudahan sukan ini.

"Kita juga bekerjasama dengan pelba-

gai pihak berkaitan dalam kempen memakmurkan sukan ini kepada masyarakat," katanya kepada Selangor Kini.

Pusat Paragliding Bukit Jugra adalah lokasi tunggal di Selangor dalam penganjuran aktiviti paragliding dan tersenarai dalam peta dunia sejak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menganjurkan beberapa siri kejohanan bertaraf antarabangsa sejak 2006.

Kejayaan menganjur beberapa siri kejohanan bertaraf antarabangsa pada 2006, 2007 dan 2008, MDKL diberi kepercayaan menganjurkan Paragliding Accuracy World Cup (PGAWC) Jugra pada 2009.

Bagi 2014, kejohanan ini ditukar kepada Jugra Paragliding Accuracy Championship (JIPGAC) dan berterusan tahun ini.

JIPGAC 2015 yang berlangsung Mei lalu menyaksikan penglibatan 55 peserta dari Vietnam, Korea Selatan, Filipina, Jepun, Singapura, Hong Kong, Indonesia, Switserland dan juga Malaysia berentap memburu tiga kategori dipertandingkan.

"Kita pastikan agensi terlibat memainkan peranan agar prestasi sukan ini seiring dengan negara luar yang mempunyai jaguhan ternama.

"Tidak mustahil semua ini dapat dicapai kerana kita sudah terdedah dengan beberapa kejohanan di peringkat negara dan antarabangsa," katanya.

Padang bola Bandar Bukit Puchong siap naik taraf

SHAH ALAM - Kerja naik taraf Padang Bolasepak Bandar Bukit Puchong 1 dengan kos RM120,000 siap sepenuhnya pada 30 Jun lalu.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Muhammad Azli Miswan, berkata bagi meraikan pembukaan Padang Bolasepak, MPSJ menganjurkan Karnival Sukan Bandar Bukit Puchong pada 8 Ogos ini.

Katanya kemudahan berkualiti itu disediakan untuk kegunaan jangka masa panjang oleh orang ramai terutamanya penduduk Subang Jaya.

"Ia merupakan kali pertama diadakan di Bandar Bukit Puchong dan menjadi harapan MPSJ untuk memastikan ia dapat dilaksanakan demi memperkukuhkan lagi perpaduan antara kaum.

"Objektif karnival sukan ini bagi memberikan peluang kepada kanak-kanak, remaja dan belia merasai pengalaman bermain permainan tradisional yang semakin dilupakan," katanya dalam kenyataan media.

Muhammad Azli berkata, karnival bermula seawal 8.30 pagi hingga jam 5.00 petang bertempat di Padang Bolasepak MPSJ, Bandar Bukit Puchong 1, Puchong.

"Antara sukan dipertandingan Futsal Padang Terbuka, 'Soccer Kids' bawah 12 tahun, tarik tali, pertandingan mewarna, pertandingan karaoke, karom beregu terbuka, dam aji dan pelbagai lagi," katanya.



Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985